



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL KETIGA

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 6271]

## RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

*Jawatankuasa (Hari Ketigabelas) —*

*Jadual —*

Kepala B. 49, B. 50 dan B. 51 [Ruangan 6294]

Kepala B. 52 [Ruangan 6334]

Kepala B. 53 dan B. 54 [Ruangan 6372]

## USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 6293]

Anggaran Pembangunan, 1978:

*Jawatankuasa (Hari Ketigabelas) —*

Kepala P. 52 [Ruangan 6334]

Kepala P. 53 dan P. 54 [Ruangan 6372]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jejebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- .. DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- .. TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- .. PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- .. TUAN AJADBIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- .. TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- .. TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- .. DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- .. TUAN CHIENG TIONG KAI @ CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- .. TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- .. PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- .. TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- .. DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR. HEE TIEN LAI @ HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- .. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.I.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.I.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO @ WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON @ LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN MUSTAPHA @ HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUN PANG SUI CHEE @ ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUN S. SAMY VELLU, A.M.N., (Sungei Siput).
- „ TUN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG @ SIBUT MIYUT ANAK TAGONG  
(Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar),
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA @ HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy  
Louis Yeoh Sim Ngoh  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah  
Suhor bin Husin  
Amran bin Ahmad  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Margaret Chye Kim Lian  
Puan Ng Chong Kin  
Puan Kong Yooi Thong  
Juliah binti Awam  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Kalsom binti Ghazali

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 14hb Disember, 1977

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

KILO LIMA NON-DIRECTIONAL  
BEACON, SUBANG

**1. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada benar bahawa Kilo Lima Non-Directional Beacon (KLNDB), satu alat dalam pendaratan — satu petunjuk yang penting yang menolong juruterbang semasa hendak turun bagi pendaratan di atas landasan utama (Runway 33) di Lapanganterbang Antarabangsa Subang telah rosak selama beberapa hari pada masa terjatuhnya kapalterbang Jepun DC-8 di Elmina Estet pada 27hb September 1977 dan oleh yang demikian ini mungkin menjadi satu faktor yang menyebabkan kemalangan udara yang mengorbankan tiga puluh empat nyawa.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa kelengkapan Kilo Lima Non-Directional Beacon (KLNDR) dan “glide path” kelengkapan Instrument Landing System (ILS) bagi landasan 33 masih rosak pada 27hb September, 1977.

Walau bagaimanapun, kelengkapan-kelengkapan Kilo Lima Non-Directional

Beacon (KLNDB) dan Very High Frequency Omni Range/Distant Measuring Equipment (VOR/DME) bagi landasan 15 adalah di dalam keadaan baik dan pendaratan pada hari tersebut termasuk penerbangan JAL adalah dibuat melalui landasan ini. Sebanyak 4 kapalterbang sebelum kapalterbang JAL telah mendarat dengan selamat di landasan 15 pada malam tersebut.

Dengan demikian kerosakan kelengkapan-kelengkapan KLNDB dan ILS di landasan 33 tidak boleh dianggap sebagai satu faktor yang menyebabkan kemalangan JAL DC-8 kerana ia tidak ada kena mengena dengan pendaratan yang dibuat melalui landasan 15.

**Tuan Farn Seong Than:** Tuan Yang di-Pertua, kotak hitam kepunyaan kapalterbang itu telah dijumpai di tempat kemalangan itu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini hasil penyiasatan itu?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kotak hitam daripada Kapalterbang JAL DC-8 itu telah didapati dan pada masa ini penyiasatan sedang dijalankan secara lebih mendalam berdasarkan kotak hitam itu. Walau bagaimanapun, sehingga ini Kementerian ini belumlah dapat lagi memberi penjelasan seperti yang dikehendaki itu.

**Tuan Farn Seong Than:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada masa-masa yang lampau di mana kapalterbang di waktu mendarat melalui Elmina

Estet kapal terbang ada terkena hujung-hujung pokok getah. Jika sedar, adakah peristiwa itu dilaporkan oleh pemandu-pemandu kapal terbang kepada pihak berkuasa?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada keadaan yang berlaku itu tetapi pihak Kementerian ini dan pihak Jabatan Penerbangan Awam tidak ada menerima pengaduan-pengaduan seperti yang tersebut.

**“FIBRE GLASS DRAINAGE SYSTEM”  
BAGI KAWASAN PADI  
TANJONG KARANG**

2. **Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Rancangan “Fibre Glass Drainage System” bagi kawasan pengairan sawah padi Tanjong Karang akan memberi kesan yang baik dan memuaskan, jika ya, dapatkah rancangan itu diteruskan ke seluruh kawasan tersebut yang berjumlah 50,000 ekar dan bolehkah tempoh masa menyiapkan rancangan itu dibuat kurang daripada 10 tahun.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Walau bagaimanapun, rancangan untuk meluaskan lagi penggunaan sistem pengairan itu bagi keseluruhan kawasan padi yang berkenaan masih dalam pertimbangan.

**HOSPITAL-HOSPITAL DAERAH DI  
SARAWAK**

3. **Tuan Abit anak Angkin** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian-nya telah menimbang mendirikan sebuah Hospital Daerah di Song dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, jika tidak, kenapa; kerana sebuah hospital seumpama itu sangat diperlukan dan berbagai Daerah yang lain memperoleh kemudahan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, pembinaan 4 buah Hospital Daerah telahpun diluluskan iaitu di Serian, Limbang, Saratok dan Kanowit, tetapi pembinaan Hospital di Song tidak diluluskan. Buat masa ini hanya sebilangan kecil daripada daerah-daerah Sarawak yang tidak mempunyai hospital. Walaupun adalah matlamat Kementerian untuk membina sebuah hospital di tiap-tiap daerah, tetapi rancangan pembinaan hospital-hospital tersebut terpaksa dilaksanakan secara berperingkat kerana kekurangan tenaga manusia dan kewangan. Walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan bahawa apabila Hospital Daerah Kanowit mula memberi perkhidmatan pada tahun 1980/81, hospital ini juga akan memberi perkhidmatan kepada Daerah Song.

**HOSPITAL DAERAH  
KULIM**

4. **Tuan Lim Kiam Hoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa rancangan pembinaan sebuah hospital baru bagi daerah Kulim, Kedah telah lama dirancang dibina ditapak baru yang telah lama diperolehi tetapi hingga masa ini masih belum lagi terbina pada hal keperluannya adalah amat terdesak dan perlukan binaan segera kerana pada hari ini jumlah pengguna kian meningkat dan terpaksa menumpu ke Hospital Daerah Bukit Mertajam, Seberang Prai.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Dato' Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah memberi keutamaan yang tinggi kepada projek membina semula Hospital Daerah Kulim sejak mulanya Rancangan Malaysia Ketiga dan peruntukan memang ada untuk projek tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini sedang giat dirancang.

## BALAI POLIS PADANG SERAI, KEDAH

5. **Tuan Lim Kiam Hoon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian ini bercadang hendak membina bangunan baru bagi Balai Polis Padang Serai, Kedah yang pada masa ini sudah lama dan tidak sesuai dengan keadaan masa terutama untuk melayani penduduk yang semakin bertambah, begitu juga dengan bangunan rumah anggota yang sudah ketinggalan masa dan tidak cukup bagi menampung semua anggota.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang hendak membina sebuah balai polis dan beberapa buah rumah untuk anggota-anggota polis di Padang Serai, Kedah untuk memenuhi kehendak-kehendak pada masa ini. Permohonan untuk mendapatkan sebidang tanah iaitu di kawasan Mukim Naga Lilit sedang diusahakan.

## PEMINDAHAN DARAH PESAKIT

6. **Tuan S. Samy Vellu** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan mengesahkan samada amalan memindahkan keseluruhan darah adalah merbahaya kepada sebilangan pesakit, dan menyelidiki moden telah memperakui bahawa menggunakan lebih kerap komponen darah dan "Plasma Fractions" adalah perlu bagi setiap pesakit. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberikan satu senarai dan "quantity" yang lengkap bagi setiap komponen darah, dan "Plasma Fractions" yang dipergunakan tiap-tiap tahun di dalam hospital-hospital Kerajaan dan sebutkan berapa banyakkah darah dan "Plasma Fractions" ini dibeli dari kilang-kilang di seberang laut. Apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh Menteri, supaya "Plasma Fractions" ini dapat dikeluarkan di dalam Malaysia, satu mengadakan peraturan supaya darah tempatan, atau "Plasma" dihantar ke seberang laut untuk diproses atas dasar tidak mencari keuntungan ke dalam "Component Fractions" nya. Ini akan dapat dipergunakan di

Malaysia oleh Hospital Kerajaan, Hospital-hospital Persendirian dan Tentera, dan untuk menyediakan simpanan bagi merawat orang-orang luka yang mendapat bencana biasa atau bencana yang dibuat sendiri. Bolehkan Menteri itu juga memberikan berapa banyak simpanan yang terdapat di masa ini bagi "Plasma Fractions", Albumin dan Dried Plasma untuk digunakan oleh hospital-hospital, rumah-rumah perniagaan dan lain-lain organisasi di dalam Malaysia.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Dato' Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, amalan memindahkan keseluruhan darah tidaklah merbahaya. Sebenarnya, amalan ini menyelamatkan nyawa pesakit-pesakit yang telah kehilangan banyak darah. Penggunaan sebatian darah (blood components) adalah cara yang lebih ekonomikal. Jumlah bilangan sebatian darah yang digunakan oleh Hospital Besar Kuala Lumpur pada tahun 1976 adalah 2,927 iaitu penambahan penggunaannya sebanyak 53% berbanding dengan tahun 1975. Penggunaan sebatian darah di hospital-hospital yang lain di negara ini juga sedang meningkat kerana kebanyakan bank darah di hospital-hospital telahpun dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan seperti "refrigerated centrifuges" dan peti sejuk dan Kementerian saya tidak memberi apa-apa darah daripada negara-negara luar.

**Pecahan-pecahan plasma (Plasma Fractions)** yang dibeli daripada negara-negara luar pada tahun 1976 dan juga setok bagi tahun 1977 adalah seperti berikut:—

	1976		1977			
	Jumlah Dibeli	Kos	Jumlah Kos	Jumlah Dibeli	Kos	Jumlah Kos
Fibrinogen 1 Gram	127	\$ 85	\$ 10,795	166	\$85	\$ 14,110
Fibrinogen 2 Gram	72	210	15,120	—	—	—
Dry Human Plasma	1,274	92	117,208	1,388	92	127,696
Human Albumin 20%	50	70	3,500	100	70	7,000
			<u>\$146,623</u>			<u>\$148,805</u>

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran pecahan-pecahan plasma berbanding dengan sebatian-sebatian plasma (Plasma Components) adalah satu usaha yang menelankan banyak perbelanjaan dan juga memerlukan penubuhan kawasan-kawasan perusahaan seperti satu kilang yang besar dan pengeluaran pecahan-pecahan plasma tersebut hendaklah diusahakan oleh kakitangan-kakitangan yang terlatih, berkebolehan yang tinggi dan juga pegawai-pegawai saintifik. Perbelanjaan asas bagi menubuhkan bangunan dan membeli kelengkapan memerlukan perbelanjaan sekurang-kurangnya \$2-3 juta, dan sejumlah plasma yang besar adalah dikehendaki untuk usaha pengeluaran yang lebih ekonomik. Oleh yang demikian, Kementerian saya tidak bercadang untuk melancarkan projek yang tidak praktikal ini buat masa sekarang. Walau bagaimanapun, plasma boleh dihantar ke luar negeri untuk ditukarkan kepada pecahan-pecahan plasma. Kemungkinan ini sedang dikaji tetapi kos pengangkutan dan perbelanjaan-perbelanjaan yang lain termasuk juga syarat pertukaran mungkin menjadi penghalang dan usaha mengeluarkan pecahan-pecahan plasma akan menjadi lebih mahal daripada penggunaan pengantian-pengantian plasma (plasma substitutes). Namun demikian, perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian saya.

## LUAS TANAH NEGERI-NEGERI DALAM MALAYSIA

**7. Tuan Latip bin Haji Dris** minta Menteri Perhubungan menyatakan berapa sebenarnya luas kawasan tanah Negeri Sarawak dan Negeri Sabah serta negeri-negeri lain dalam Malaysia mengikut persegi batu bagi membuktikan betul atau tidaknya satu peta berwarna kuning di kulit luar buku Panduan Telefon pada Mac 1977 supaya tidak mengelirukan orang ramai terutama pelawat-pelawat dari negara luar apabila melihat peta itu.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, Peta Malaysia yang tersiar di kulit

luar buku Panduan Telefon keluaran 1977 adalah sebagai simbolik sahaja dan tidak mengikut ukuran. Untuk mengelakkan kekeliruan yang telah berlaku, Kementerian Perhubungan telahpun mengambil tindakan supaya Peta Malaysia tidak akan digunakan bagi keluaran Panduan Telefon tahun hadapan 1978.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia meliputi kawasan seluas 130,000 batu persegi, Semenanjung Malaysia sahaja seluas 52,000 batu persegi, sementara Sabah dan Sarawak lebih kurang seluas 78,000 batu persegi.

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini sekarang dengan terbuktinya Negeri Sarawak lebih besar daripada negeri-negeri lain dalam Malaysia, tidak sepertimana yang dibuat dalam peta yang berkenaan itu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju peta itu dibuat dengan tidak bertanggungjawab yang cuma sebagai satu peta permainan yang dibuat oleh kanak-kanak baharu sekolah sahaja?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya sebutkan bahawa peta itu adalah sebagai simbolik sahaja dan bagi tahun hadapan Kementerian telah memberikan arahan supaya peta itu tidak digunakan lagi.

## MAJUIKAN DI SARAWAK — KEJAYAAN

**8. Tuan Latip bin Haji Dris** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah kejayaan telah dicapai oleh MAJUIKAN di Sarawak untuk memperbaiki taraf hidup nelayan bumiputra. Apakah projek-projek yang telah dibuat dan yang akan dibuat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini MAJUikan telah menubuhkan 4 buah Persatuan Nelayan di Sarawak iaitu di kawasan Buntal, Belawi, Mukah dan Miri. Usaha-usaha untuk memperbaiki taraf hidup nelayan adalah dijalankan melalui persatuan-persatuan ini yang mempunyai beberapa buah bot-bot penangkapan ikan yang diusahakan oleh ahli-ahlinya. Persatuan-persatuan ini juga menguruskan pemasaran hasil tangkapan dan menyelaraskan hal-hal kredit ahli-ahli.

Projek-projek yang sedang dijalankan di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah seperti berikut:—

- (i) Kajian sumber ikan laut dalam di Kuching;
- (ii) Mengadakan alat membuat air batu di Mukah dan Belawi;
- (iii) Projek pukut tunda (80 tan), bot-bot projek ini sedang dalam pembinaan; dan
- (iv) Perniagaan minyak oleh Persatuan Nelayan, persediaan sedang dibuat untuk menjalankan projek ini.

Lain-lain projek yang dijalankan di Sarawak adalah seperti berikut:—

- (i) Projek Pukat Jerut (50 tan);
- (ii) Projek Mengawit Ikan;
- (iii) Pembinaan 10 buah pejabat Persatuan Nelayan;
- (iv) Pembinaan 6 buah bangsal membungkus ikan;
- (v) Mengadakan 5 buah alat membuat air batu; dan
- (vi) "Launching Grant" untuk Persatuan Nelayan.

Projek "Launching Grant" akan digunakan oleh Persatuan Nelayan sebagai modal bagi menjalankan aktiviti-aktiviti untuk faedah ahli-ahlinya, di antara lain, seperti perniagaan

minyak, air batu, alat ganti, pemasaran serta memproses ikan dan sebagainya.

Kementerian saya juga akan mengambil tindakan untuk menambah peruntukan subsidi bagi menolong nelayan-nelayan artisan membeli enjin-enjin boat serta alat-alat menangkap cara moden, seperti dilakukan di Semenanjung Malaysia.

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan adakah projek-projek seperti memelihara udang galah dan ikan air tawar atau ikan payau ada termasuk dalam rancangan MAJUikan di negeri Sarawak?

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu perkara seperti ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

#### HARGA PEMBELIAN DAN WANG SEWA RUMAH

**9. Tuan Chin Hon Ngian** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil supaya menurunkan harga pembelian dan wang sewa rumah yang dibina oleh berbagai agensi berselarasan dengan matlamat-matlamat yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga supaya memberi faedah kepada sebanyak 70% penduduk-penduduk bandar yang tidak mampu membeli atau menyewa kebanyakan unit-unit perumahan yang dibina sekarang oleh berbagai agensi.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lebih kurang sama dengan aspek penurunan harga-harga rumah telahpun saya jawab dalam Dewan yang mulia ini pada 5.4.1977 dan 17.11.1977. Perkara itu juga telah disentuh dalam ucapan saya semasa mengulung Dasar Belanjawan baru-baru ini.

## HOSPITAL DAERAH TAIPING

10. **Tuan Lukman bin Abdul Kadir** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar Hospital Daerah Taiping ialah hospital yang terbesar dalam Negeri Perak bagi Daerah Larut, Matang dan Selama yang mengandungi penduduk seramai ¼ juta orang tidak termasuk pesakit-pesakit yang datang dari daerah-daerah lain; jika sedar, berapa orangkah Doktor Pakar yang ditempatkan di situ dan jenis-jenis kepakarannya; dan banyak terdapat alatan yang diperlukan tapi tidak disediakan termasuk wad-wad baharu.

**Tan Sri Dato' Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan kepentingan Hospital Daerah Taiping di Negeri Perak, oleh yang demikian, Hospital tersebut adalah di antara yang pertama yang dibekalkan dengan perkhidmatan kepakaran. Pada ketika ini, hospital tersebut mempunyai Pakar Perubatan, Pakar Pembedahan, Pakar Perbidanan dan Sakitpuan, Pakar Mata, Ahli Kaji Penyakit dan Pakar Bius. Jawatan Pakar X-Ray masih belum diisikan disebabkan oleh kekurangan Pakar-pakar X-Ray bukan sahaja di negara ini bahkan juga di seluruh dunia pada keseluruhannya.

Alat-alat kelengkapan di Hospital Daerah Taiping adalah memuaskan dan alat-alat kelengkapan tersebut ditambahkan pada tiap-tiap tahun berdasarkan kepada perkembangan perkhidmatan yang dibekalkan. Pada masa ini, Hospital Daerah Taiping mengandungi 546 buah katil dan kadar penggunaan katil-katil itu pada tahun 1975 adalah 76.1 peratus dan 73.81 peratus pada tahun 1976.

Projek-projek bagi Hospital Daerah Taiping yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah seperti berikut:—

- (a) Sebuah Poliklinik yang menelan perbelanjaan sebanyak \$3 juta telahpun siap dibina;

- (b) Tempat menyimpan mayat telah siap dibina;
- (c) Satu Pelan Induk (Master Plan) bagi seluruh Hospital Daerah Taiping telah disediakan. Pembangunan hospital tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan projek pembangunannya adalah pembinaan sebuah blok wad 4 tingkat, wad psychiatric dan blok perkhidmatan pusat.

## MURID-MURID TINGKATAN ENAM

11. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai murid-murid yang berkelayakan tidak dapat masuk dalam Tingkatan Enam dan ke dalam Universiti-universiti dan maktab-maktab kerana kekurangan tempat. Jika benar, apa tindakan yang beliau hendak mengambil untuk menyelesaikan masalah ini oleh kerana tiap-tiap penuntut berhak mengambil pelajaran yang tinggi.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ramai pelajar-pelajar yang berkelayakan tidak dapat masuk ke Tingkatan Enam dan ke Institusi Pelajaran Tinggi. Adalah mustahil untuk menerima masuk kesemua calon-calon yang berkelayakan itu. Kerajaan sedar bahawa persaingan untuk masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi semakin bertambah hebat kerana bilangan pelajar yang lulus semakin bertambah dari tahun ke setahun.

Persediaan tempat di institusi pelajaran tinggi ada kaitan yang tepat dengan keperluan tenaga manusia. Tidak ada faedah jika terlalu banyak tempat disediakan sehingga siswazah menganggur. Sekarang ini pun sudah ada sungutan bahawa kelulusan universiti tidak ada kerja.

## MINYAK TANAH KEKURANGAN DI PERAK

**12. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab terdapat kekurangan minyak tanah di Perak.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bekalan minyak tanah di Perak baru-baru ini telah berlaku secara berasingan dan tidak menyeluruh di sesuatu tempat yang terlibat itu. Dari siasatan-siasatan yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian masalah tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor di antaranya kelewatan hantaran bekalan minyak di peringkat pemborong dan peruncit, kehabisan bekalan pada penghujung bulan dan penambahan permintaan yang berlebihan daripada biasa.

Walau bagaimanapun, beberapa tindakan telah diambil bagi mengatasi masalah kekurangan tersebut dan langkah itu adalah seperti dijelaskan dalam jawapan saya kepada Yang Berhormat dari Sarawak yang dibuat pada 17.11.77 dan kepada Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pada 3.11.77.

## AKTA KAWALAN HARGA, 1967

**13. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa Akta Kawalan Harga 1946 tidak diperluaskan untuk meliputi barang-barang lain selain daripada yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta itu supaya dapat memberi perlindungan yang lebih luas kepada pengguna-pengguna.

**Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, menurut jadual pertama Perintah Kawalan Harga (Penandaan oleh Penjual-penjual Runci) 1977 yang dibuat di bawah Akta Kawalan Harga 1946 peruncit-

peruncit bagi 111 jenis barang-barang yang diistiharkan itu diperlukan meletakkan tanda harga-tandaharga ke atas barang-barang mereka. Senarai barang-barang tersebut telah dibahagikan kepada 3 kategori barang-barang yang dianggap sebagai barang-barang keperluan untuk pengguna-pengguna iaitu barang-barang makanan, barang-barang bukan makanan dan alat-alat gantian kereta dan saya berpendapat bahawa senarai barang-barang tersebut itu adalah sesuai dan mencukupi untuk memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna buat masa sekarang.

Walau bagaimanapun, sekiranya didapati perlu untuk menambah bilangan barang-barang di bawah jadual tersebut, Kementerian saya sedia mengambil tindakan mengistiharkan barang-barang tambahan itu.

## ANGKA KONTENA DIPUNGGAH

**14. Raja Nasron bin Raja Ishak (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Perhubungan menyatakan iaitu oleh kerana didapati di Negeri-negeri Jepun, Hong Kong dan Taiwan containers dapat dipungguh dengan kadar lebih daripada 20 containers satu jam. Kerana apa di Pelabuhan Kelang cuma 10 containers lebih kurang satu jam.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa di Jepun, Hong Kong dan Taiwan kontena-kontena dapat dipungguh dengan kadar 20 kontena atau lebih dalam masa satu jam sedangkan Pelabuhan Kelang cuma dapat memungguh 10 kontena sahaja dalam masa yang sama. Bagaimanapun Pelabuhan Kelang juga akan dapat memungguh 20 kontena atau lebih dalam masa satu jam jika segala kemudahan-kemudahan 'back-up' pada keseluruhannya berjalan dengan licin dan teratur. Pada masa ini cara yang digunakan iaitu dengan menggunakan kren, terela dan 'straddle carrier' dan juga jarak yang agak jauh dari kapal ke kontena yad adalah merupakan faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya bilangan

kontena yang dapat dipunggah dalam masa satu jam.

Walau bagaimanapun, apabila kecekapan Terminal bertambah baik, saya yakin Pelabuhan Kelang akan dapat memunggah 20 kontena atau lebih dalam masa satu jam sebagai satu perkara biasa sahaja. Oleh kerana itu, pihak Lembaga Pelabuhan Kelang sedang giat berusaha untuk meninggikan lagi kecekapan Terminal ini pada keseluruhannya.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kemungkinan Pelabuhan Kelang mendapat angka 20 kontena satu jam jika segala kemudahan-kemudahan berjalan dengan licin. Soalan saya ialah bilakah dapat semua kemudahan-kemudahan itu dijalankan dengan licin memandangkan kepada rekod yang ada sekarang telah hampir setahun lebih performancenya hanya 10 kontena dalam satu jam?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak mungkin bahawa lumrah dan biasa Pelabuhan Kelang dapat menyelesaikan malah lebih daripada 20 kontena pada satu jam yakni pada masa-masa segala kemudahan dan segala keperluan dapat dijalankan dengan sempurna.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, pihak Kementerian telahpun mengambil daya-usaha dan daya-utama menubuhkan sebuah badan yang terdiri daripada semua pihak yang berkenaan dengan pelabuhan untuk bersama-sama memberikan kerjasama dalam usaha mempercepatkan pengangkutan di pelabuhan itu.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan bahawa kelengkapan masih lagi kekurangan masalah menguruskan kontena di Pelabuhan Kelang dan kita semua sedia maklum untuk menguruskan masalah kontena ini berkehendak-

kan alat-alat yang moden. Jadi, adakah atau tidak rancangan pihak Kementerian iaitu Pelabuhan Kelang sendiri untuk menambah jentera-jentera dan alat-alat yang moden bagi memenuhi kehendak-kehendak schedule yang ditetapkan seperti mengangkut kontena walaupun perbelanjaan bagi menambahkan alat-alat moden ini besar dan tinggi tetapi demi untuk jangka panjang?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa terdapat di antara alat-alat kemudahan bagi pengangkutan di Pelabuhan Kelang itu ada yang didapati kemungkinan tidak sesuai dengan keadaan ataupun environment di negeri ini seperti apa yang saya sebutkan yakni 'straddle carrier' dan bukanlah tidak mungkin bagi Lembaga Pelabuhan Kelang akan membeli alat-alat yang lebih baik dan yang lebih sesuai dengan kegunaan di negeri ini.

## KEKURANGAN RUMAH

**15. Tuan Mak Hon Kam** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bagaimana beliau ingin mengatasi kekurangan rumah sebelum tahun 1987 sebagaimana yang disiarkan pada umum oleh beliau.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa saya tidak pernah berkata bahawa masalah kekurangan rumah dapat diatasi sebelum tahun 1987. Apa yang saya katakan ialah saya menjangka masalah perumahan akan dapat diatasi dalam masa lebih kurang 10 tahun. Ramalan ini adalah berdasarkan kepada betapa gigihnya pihak pucuk pimpinan Kerajaan Barisan Nasional peringkat negeri dan peringkat Persekutuan sekarang berusaha memperbanyakkan bekalan rumah-rumah dari sektor awam dan swasta, melalui berbagai-bagai tindakan secara langsung dan tidak langsung. Berbagai-bagai agensi dan institusi telah diberi tugas itu dan bilangan pemaju-pemaju perumahan juga

telah bertambah dengan banyaknya. Bekalan bahan-bahan binaan dan tenaga-tenaga terlatih yang diperlukan juga dijangka akan bertambah.

Seperkara lagi ialah satu kajian "integrated sites and services and related housing programmes" diharap akan dimulakan tidak lama lagi dan satu pendekatan yang menyeluruh dan berkesan bagi seluruh negara akan dapat dimajukan apabila kajian ini selesai kelak. Buat masa ini tidaklah sesuai bagi saya menghuraikan dengan panjang lebarnya cara-cara mengatasi masalah ini. Dengan izin Tuhan kiranya semua langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah diatur oleh Kerajaan dapat berjalan dengan baik, gejala-gejala buruk daripada pertambahan penduduk dapat dikawal dan keadaan-keadaan yang lain juga mengizinkan, maka masalah kekurangan rumah pasti dapat diatasi.

**Tuan S. Samy Vellu:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun dalam Dewan ini ada juga Yang Berhormat Timbalan Menteri beri banyak penjelasan atas program-program yang ada dalam kajian Kerajaan, tetapi sampai masa sekarang ada satu masalah yang rakyat biasa tidak dapat selesaikan dan satu contoh saya suka memberitahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam kawasan saya di Karai daripada tahun 1971 kita akan merancang untuk mengadakan lebih kurang 50 buah rumah harga murah tetapi sampai masa sekarang perkara ini tidak dapat diselesaikan. Apabila saya timbulkan soalan dalam Parlimen ada juga Yang Berhormat Timbalan Menteri berkali-kali kata ini ada dalam timbangan Kerajaan Negeri. Apabila saya timbulkan soalan ini kepada Kerajaan Negeri, mereka kata mereka belum dapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Ini jadi macam main bola, dia tendang dari sini ke sana. Bolehkah saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri jikalau ada program-program bilakah satu masa kita boleh siap, bilakah kita boleh beri satu kemudahan kepada rakyat biasa dalam negeri kita yang tertentu?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar di atas masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jadi saya tidaklah tahu, Yang Berhormat bertanya secara umum yakni bertanya Kerajaan Negeri kata Kementerian bertanya kepada Kementerian kata Kerajaan Negeri. Ini secara umum dan siapa dan di mana itu tidaklah dapat diketahui. Tetapi walau bagaimanapun, mengikut Rancangan Malaysia Ketiga yang sudahpun berjalan sampai pada masa sekarang ini nampaknya pembinaan rumah bahagian public sector atau swasta dapat berjalan mengikut schedule tetapi yang 50 buah rumah dalam kawasan Ahli Yang Berhormat itu saya berpendapat barangkali haruslah minta Ahli Yang Berhormat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri supaya masalah-masalah tapak tanah itu dapat diselesaikan dan kalau sekiranya diselesaikan dengan cepat dan hantar project paper ke Kementerian saya, Insya Allah, saya akan tengok dan kita akan laksanakan dengan seberapa cepat yang boleh.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Soalan tambahan. Kalau tidak silap saya tadi, saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa press statement ini dibuat berdasarkan kepada pesatnya kemajuan yang ada. Saya ingin mengetahui samada press statement yang dibuat itu berdasarkan kepada agak-agak sahaja oleh kerana kemajuan yang ada sekarang ini ataupun suatu kajian khas telah dibuat oleh Kementerian bahawa sekian-sekian masa masalah perumahan ini akan mencukupi dan akan dapat diatasi dan kalau kajian itu dibuat, tahun berapa kajian itu dibuat?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah jawab tadi iaitu kita mengadakan mengikut matlamat yang dijangka dan bukan matlamat itu kita rambang-rambang sahaja tetapi adalah di dalam kajian. Dalam perkara ini saya rasa masalah-masalah yang ke hadapan itu sungguhpun kita tidak dapat mengetahui

tetapi kita jangka azam bagi pihak Kementerian sehingga tahun 1987 ialah hendak menyampaikan kepada matlamat sebagai-mana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan azam Kerajaan di peringkat pusat. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu kami difahamkan Kerajaan Pusat memang ada membuat peruntukan dan menghantar peruntukan itu terus kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Jadi, terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengadakan satu program perumahan cara murah dan sebagainya dan program-program perumahan kepada tiap-tiap negeri ini hendaklah dihantar kepada Kerajaan Pusat. Tetapi setakat ini saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri sejauh manakah ataupun berapa banyak buah negerikah telah menghantar program-program perumahan yang cukup lengkap dan sesuai boleh diterima oleh pihak Kementerian?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bukan sahaja dalam Kerajaan-kerajaan Negeri, ada juga di antaranya agensi-agensi sektor awam yang terlibat dalam pembinaan rumah-rumah. Bolehlah saya huraikan dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

- (i) Jabatan Perumahan Negara;
- (ii) Jabatan Kerjaraya;
- (iii) Jabatan Orang Asli;
- (iv) FELDA;
- (v) FELCRA;
- (vi) DARA;
- (vii) KEJORA;
- (viii) KETENGAH;
- (ix) Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak;
- (x) Suruhanjaya Perumahan Sabah;

- (xi) PKEN-PKEN;
- (xii) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Senarai-senarai ini telahpun dihantar mengikut target yang kita kehendaki lebih kurang 480,000 unit kesemuanya termasuk private sector.

#### KEMPEN ANTI SOROK — RAMPASAN DAN DAKWAAN MAHKAMAH

**16. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah rampasan dan jenis barangan yang telah dirampas dan jumlah peniaga yang didakwa di mahkamah dengan sebab menyorok barang dan menaikkan harga barang tersebut. Dan adakah beliau berpuas-hati dengan tindakan yang telah dijalankan itu.

**Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak kempen Anti Sorok yang dilancarkan pada tahun 1974 sehingga bulan Oktober, 1977, jumlah kes rampasan kerana menyorok barang-barang ialah 303 kes dengan nilai harga barang-barang itu sebanyak \$3,406,242.94 sen.

Jenis barang-barang yang telah dirampas adalah barang-barang kawalan yang terdiri daripada:—

- (i) Gula;
- (ii) Tepung gandum;
- (iii) Minyak Masak;
- (iv) Baja;
- (v) Simen;
- (vi) Racun serangga;
- (vii) Cuka Getah;
- (viii) Susu Tepung;
- (ix) Bar bulat keluli lembut;
- (x) Minyak tanah;
- (xi) Minyak Petrol; dan
- (xii) Minyak diesel.

Bilangan pekedai-pekedai yang telah didakwa di Mahkamah sehingga bulan Oktober, 1977 ialah seramai 201 pekedai dan mereka didakwa di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang telah dan sedang dijalankan selama ini.

### PERBINCANGAN ANTARA PEMIMPIN-PEMIMPIN ASEAN/JEPUN, AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND

**17. Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil perbincangan di antara pemimpin-pemimpin Negara-negara ASEAN dengan Jepun, Australia dan New Zealand dalam kerjasama ekonomi dan ketenteraan dan samada butir-butir mengenai kerjasama ini telahpun dipersetujui jika ya, bila.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, perbincangan di antara pemimpin-pemimpin Negara-negara ASEAN dengan pemimpin-pemimpin Negara-negara Australia, Jepun dan New Zealand di Kuala Lumpur baru-baru ini telah mencapai ketetapan untuk meluaskan lagi kerjasama ekonomi di antara pihak ASEAN dan negara-negara tersebut. Seperti yang telah ternyata dalam Kenyataan-kenyataan Bersama yang telah dikeluarkan berikutan dengan perbincangan-perbincangan tersebut, beberapa bidang kerjasama telahpun dipersetujui untuk dilaksanakan.

Kerajaan Australia telahpun menyatakan bahawa ianya akan mengambil langkah untuk memperbaiki lagi bantuan pembangunan kepada Negara-negara ASEAN. Antara lain-lain, Kerajaan Australia telah bersetuju mengadakan peruntukan sebanyak A\$10 million sebagai bantuan kepada rancangan-

rancangan di bawah rangka kerjasama ekonomi ASEAN-Australia; bersetuju memberi sumbangannya kepada rancangan-rancangan perindustrian ASEAN apabila rancangan-rancangan tersebut ditetapkan kelak; menambahkan lagi bantuan dua-hala dari Australia kepada Negara-negara Ahli ASEAN; dan menganjurkan satu seminar pelaburan ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan-nya, Perdana Menteri Jepun telah menyatakan hasrat negaranya untuk membantu ASEAN dalam rancangan-rancangan kerjasama ekonominya dan untuk mengukuhkan pertalian di antara kedua pihak bagi kepentingan bersama. Kerajaan Jepun antara lain telah bersetuju untuk membantu pelaksanaan projek-projek perindustrian ASEAN di tiap-tiap negara anggota. Berkaitan dengan perkara ini Kerajaan Jepun bersetuju untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya dalam bentuk kerjasama kewangan yang berjumlah US\$1 billion dengan kasar faedah yang berpatutan. Kerajaan Jepun juga telah menyatakan persetujuannya untuk memberi kerjasama kepada ASEAN terhadap rancangan dalam bidang kebudayaan dan sosial yang akan merapatkan lagi hubungan di antara rakyat Negara-negara ASEAN dengan rakyat Negara Jepun.

Perdana Menteri New Zealand telah juga menyatakan kepada Ketua-ketua Kerajaan ASEAN bahawa Kerajaannya bercadang menambahkan sumbangannya terhadap bantuan pembangunan kepada Negara-negara ASEAN, terutamanya dalam bidang kehutanan dan ternakan, Kerajaan New Zealand juga telah menyatakan kesediaannya untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi membantu pengekspot-pengekspot ASEAN mendapatkan pasaran yang lebih baik di negara itu.

Ketiga-tiga negara tersebut telah menyatakan persetujuan mereka untuk bekerjasama dengan Negara-negara ASEAN dalam bidang

perdagangan terutamanya untuk memperbaiki kedudukan pasaran barangan ASEAN di negara-negara tersebut. Persetujuan-persetujuan kerjasama ini adalah sebagai memperluaskan lagi rancangan-rancangan kerjasama yang kini telahpun berjalan di antara ASEAN dan negara-negara tersebut. ASEAN dan tiap-tiap negara tersebut akan memperkuat lagi jentera-jentera kerjasama mereka untuk mendapatkan hasil yang lebih berkesan. Butir-butir mengenai rancangan-rancangan kerjasama yang akan dilaksanakan kelak akan dikaji dengan teliti dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, perkara-perkara ketenteraan, adalah di luar dari konsep kerjasama ASEAN dan ianya tidaklah sekali-kali termasuk dalam sebarang kerjasama antara ASEAN dengan negara-negara tersebut.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKALKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato' Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

**Datuk Seri Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (13hb Disember, 1977).

*Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada lagi tujuh Kementerian yang kena diselesaikan dan saya bercadang supaya Dewan ini meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1978 selewat-lewat pada petang hari Jumaat.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Undang-undang mengemukakan cadangan-cadangan di bawah Kementerianya iaitu Kepala B. 49, B. 50, B. 51 yang berjumlah \$21,177,500.

*Kepala B. 49, B. 50 dan B. 51 (Jadual) —*

*3.21 ptg.*

**Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Anggaran Belanja

Mengurus bagi Kementerian Undang-undang bagi tahun 1978 berjumlah \$21,177,500. Sebagaimana biasa Tuan Pengerusi, Kementerian Undang-undang ini memang tidak ada peruntukan pembangunan, jadi janganlah ada Ahli-ahli Yang Berhormat memikirkan Menteri yang bertanggungjawab terhadap undang-undang itu tidak bangun. Jumlah ini adalah untuk tiga Jabatan di bawah Kepala-kepala berikut:—

- (1) Kepala Bekalan 49 — Kementerian Undang-undang termasuk Jabatan Peguam Negara \$17,899,600
- (2) Kepala Bekalan 50 — Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbiran Pesaka dan Penyimpanan Harta Harta Musuh \$1,792,300
- (3) Kepala Bekalan 51 — Jabatan Pemegang Harta, Malaysia \$1,485,600

Perbelanjaan Mengurus untuk Kementerian Undang-undang di bawah Kepala Bekalan 51 terbahagi kepada pecahan berikut:—

- (a) Pentadbiran Am;
- (b) Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat;
- (c) Perkhidmatan Pendakwaan;
- (d) Perkhidmatan Guaman;
- (e) Perkhidmatan Bantuan Guaman;
- (f) Pusat Biro Narkotik dan
- (g) Biro Siasatan Negara (BSN).

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Kementerian Undang-undang ini telah ditubuhkan dalam tahun 1974 dan ini adalah satu daripada Kementerian yang terakhir diwujudkan. Sebagai sebuah Kementerian yang termuda tentulah banyak rancangan-rancangan dan susunan-susunan diperbaharui dari tahun kesetahun untuk menjaga keutuhan dan kedaulatan semua undang-undang di samping menentukan bahawa undang-undang tersebut dilaksanakan dengan adil dan saksama sesuai dengan Perlembagaan Persekutuan dan sistem

demokrasi berparlimen di negara kita ini. Saya suka memberi sedikit keterangan mengenai kegiatan yang dilakukan pada masa sekarang dan juga rancangan baru bagi tahun 1978 mengikut aktiviti adalah seperti berikut:—

#### *Aktiviti (1) — Pentadbiran Am*

Wang peruntukan bagi tahun 1978 untuk aktiviti ini adalah sebanyak \$953,920. Dari jumlah tersebut \$100,000 ialah untuk sumbangan tahunan kepada PEMADAM yang lebihnya ialah untuk Perbelanjaan Mengurus.

#### *Aktiviti (2) — Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat*

Perkhidmatan ini mengandungi enam bahagian dan tiap-tiap satu bahagian menjalankan kerja bercorak undang-undang. Bahagian-bahagian tersebut ialah:—

##### *(a) Bahagian Penasihat*

Untuk melaksanakan tanggungjawab Peguam Negara sebagai Penasihat kepada Kerajaan, Kementerian dan Kabinet keseluruhannya mengikut peruntukan 145 (2) Perlembagaan Persekutuan maka Kementerian ini membekalkan Pegawai-pegawai Undang-undang kepada beberapa Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam Semenanjung. Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan yang tidak ada peruntukan jawatan Pegawai Undang-undang mendapatkan nasihat dari Kementerian ini di mana satu pasukan pegawai-pegawai perundangan diberi tanggungjawab untuk mengendalikan daripada Jabatan Pusat.

##### *(b) Bahagian Gubalan Undang-undang dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan*

Bahagian ini bertanggungjawab asas pengubalan dan terjemahan Rang Undang-undang dan juga perjalanan yang licin untuk dikemukakan dalam Parlimen. Dari tahun ke setahun kerja-kerja dalam Bahagian ini telah

bertambah dan saya suka memberi perangkaan yang dikendalikan oleh Bahagian ini mengenai Akta dan Perundangan Kecil yang telah diluluskan oleh Parlimen, seperti berikut:—

Tahun	Akta	Perundangan Kecil
1975	64	998
1976	91	1,155

Satu jawatan tambahan pegawai rendah telah diluluskan pada tahun 1978.

(c) *Bahagian Undang-undang Antarabangsa*

Satu pasukan yang mengandungi tiga orang pegawai ditugaskan dalam Bahagian ini dan pada tahun 1978 satu jawatan kerani telah diluluskan untuk ditambah. Dalam tahun 1977, Kementerian ini yang diketuai oleh saya sendiri telah menghadiri persidangan-persidangan Antarabangsa yang tersebut iaitu:

- (i) The 18th Session ASEAN/African Legal Consultative Committee yang telah diadakan di Baghdad dalam bulan Februari.
- (ii) Persidangan Undang-undang Laut yang telah diadakan di New York dalam bulan Mei hingga Julai; dan
- (iii) Commonwealth Law Ministers Conference yang telah diadakan di Winnipeg, Canada dalam bulan Ogos, 1977.

Pada tahun 1978 Kementerian ini akan menghantar pegawai-pegawai ke persidangan antarabangsa yang pada ketika ini sudahpun mendapat pengesahan dari pihak penganjur. Persidangan-persidangan tersebut ialah:

ASEAN/African Legal Consultative Committee dan  
Persidangan Undang-undang Laut.

(d) *Bahagian Semakan Undang-undang (Law Revision)*

Saya tidak payah huraikan dan sehingga ini 15 undang-undang yang telah selesai disemak semula.

Cetakan-cetakan semula berikut telahpun diberi juga dalam masa yang singkat iaitu lapan undang-undang yang telah dicetak semula.

Ubahsuaian-ubahsuaian Undang-undang dan Perintah-perintah Perluasan yang telah disediakan dan diterbitkan akan diterbitkan termasuklah:

- (1) Arms and Explosives
- (2) Dangerous Drugs and Poisons
- (3) Control of Imported Publications.

Pada keseluruhannya, Tuan Pengerusi, wang peruntukan bagi tahun 1978 untuk Aktiviti (2) ini — Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat ini berjumlah \$3,037,690.

*Aktiviti (3) — Perkhidmatan Pendakwaan*

Tugas Peguam Negara sekarang ialah selaku Pendakwa Raya dikendalikan di Kementerian ini oleh suatu bahagian yang dinamakan Perkhidmatan Pendakwaan. Pegawai Undang-undang menurut Seksyen 376 (iii) Kanun Acara Jenayah dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya untuk mendakwa kes-kes yang dipertanggungkan kepada Pendakwa Raya. Di sesuatu negeri mereka ditempatkan di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri untuk menjalankan pendakwaan di negeri-negeri tersebut. Bagi Pegawai Undang-undang selain daripada Timbalan Pendakwa Raya, kuasa telah diberi di bawah Seksyen 24 Government Proceeding Ordinance 1956 untuk mendakwa kes-kes sivil bagi pihak Kerajaan dan Jabatan Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu faham tentang perjalanan undang-undang di Negara ini. Kes-kes di bawah hukuman berat seperti di bawah Akta Senjata Api, Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Ordinan Dadah Berbahaya

telahpun banyak dibicarakan di Mahkamah. Tidak kurang dari 220 tangkapan telah dibuat dalam tahun 1976 di bawah Akta/Ordinan tersebut dan sehingga sekarang lebih dari 50% kes-kes tersebut yang belum lagi diselesaikan. Tidaklah syak lagi dari tahun kesetahun kes-kes yang dikemukakan kepada Bahagian Pendakwaian ini menunjukkan kenaikan sebanyak 30% tambahan tiap-tiap tahun.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Kementerian ini akan membuka pula pejabat-pejabat cawangan jenayah di Negeri Sabah dan Sarawak dalam tahun 1978.

Anggaran peruntukan 1978 bagi aktiviti ini adalah sebanyak \$1,610,180 untuk Belanja Mengurus sahaja.

#### *Aktiviti (4) — Perkhidmatan Guaman*

Perkhidmatan ini bertanggungjawab dalam mengurus tuntutan-tuntutan sivil terhadap Kerajaan Malaysia. Tuntutan-tuntutan tersebut termasuklah tuntutan gantirosak sivil yang berbangkit dari kemalangan jalanraya yang melibatkan kenderaan Kerajaan, gantirosak kerana kecuaiian (misalnya dari segi perubatan), tahanan salah oleh pihak Polis, pembuangan salah dari perkhidmatan dan lain-lain tuntutan seumpamanya.

Tuntutan oleh Kerajaan pula termasuklah tuntutan untuk mendapatkan balik wang yang orang ramai berhutang kepada Kerajaan misalnya wang biasiswa, wang yang kena dibayar kerana melanggar atau pecah kontrak dengan Kerajaan, tunggakan sewa atas harta benda Kerajaan dan lain-lain.

Bahagian ini juga mengurus kes-kes Perlembagaan yang difailkan oleh pihak-pihak tertentu terhadap Kerajaan untuk mendapatkan keputusan Mahkamah. Sepanjang tahun 1976 sejumlah 296 kes sivil telah diurus oleh Bahagian Guaman. Bagi tahun 1977 (sehingga September) 272 kes sivil telahpun dikendali-

kan. Jumlah kes tuntutan wang biasiswa ialah 20.

#### *Aktiviti (5) — Perkhidmatan Bantuan Guaman*

Perkhidmatan Bantuan Guaman di Malaysia memasuki tahun kelapan menjelang-tahun 1978. Tujuan asas perkhidmatan ini ialah untuk memberi bantuan perwakilan dan nasihat Undang-undang kepada mereka yang memerlukannya tetapi tidak mampu mendapatkannya jika dikenakan pembayaran. Andai kata, sekim ini adalah dituju kepada golongan miskin untuk melaksanakan satu daripada dasar polisi Kerajaan kita iaitu untuk memberi keadilan masyarakat.

Perkhidmatan Bantuan Guaman mempunyai sebelas cawangannya iaitu di Selangor/Wilayah Persekutuan, Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Kelantan, Trengganu, Perak, Pahang, Johor, Melaka dan Negri Sembilan, dan juga mengadakan cawangan kecilnya di Muar.

Bidang kuasa perkhidmatan ini pada mulanya ialah dihadkan dua tiga perkara sahaja tetapi sekarang telah diperbesar dan diperluaskan lebih daripada 10 dan kita telah membincang dan mencadangkan pada tahun ini dan tahun hadapan akan meluaskan lagi aktiviti-aktiviti dan juga bidang-bidang kuasa yang patut dijalankan untuk diberi perkhidmatan guaman. Dan juga kita ada rancangan untuk meluaskan Perkhidmatan Bantuan Guaman ini kepada Negeri Sabah dan Sarawak pada tahun yang akan datang. Ini mengambil masa sedikit, Tuan Pengerusi, kerana kita masih lagi banyak kekurangan Pegawai-pegawai Perundangan khususnya yang berpengalaman.

Dengan adanya cawangan-cawangan Biro serta kakitangan-kakitangan yang cukup di tiap-tiap negeri dalam Semenanjung juga di Sabah dan Sarawak itu, Perkhidmatan ini akan memperhebatkan lagi publisitinya untuk menambahkan lagi kesedaran di pihak golongan miskin supaya mengguna dan

mengambil faedah dan kesempatan daripada Sekim Kerajaan ini dalam mengatasi masalah undang-undang yang kerap dihadapi oleh mereka.

Belanja Mengurus Biro Bantuan Guaman bagi tahun 1978 dianggarkan sebanyak \$950,500.00 untuk kakitangan Kerajaan seramai 100 orang.

#### *Aktiviti (6) — Pusat Biro Narkotik*

Pusat Biro Narkotik terus menjalankan tugas dan tanggungjawabnya walaupun dalam keadaan kekurangan keanggotaan. Malah tugas dan tanggungjawab Pusat Biro Narkotik adalah semakin bertambah dari tahun ke setahun disebabkan 2 faktor yang besar:

- (i) keadaan pengedaran maka penyalahgunaan dadah yang nampaknya tidak berkurangan;
- (ii) kegiatan penyeludupan dan pengedaran yang semakin menjadi "sophisticated" kerana penyeludup/pengedar dadah berbahaya bertambah waspada sekarang dengan adanya undang-undang yang membawa kepada hukuman mati atau penjara seumur hidup kerana kesalahan menyeludup/mengedar dadah berbahaya.

Bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerja-kerja mencegah penyeludupan dadah ini bukanlah sahaja dijalankan oleh Pusat Biro Narkotik tetapi lebih besar lagi ialah dijalankan oleh pihak Polis dan juga pihak Kastam Di Raja.

Sungguhpun bergerak dalam keadaan terhad, Pusat Biro Narkotik terus mencapai beberapa kejayaan dalam bidang penguatkuasaan. Ini boleh dibuktikan dengan perangkaan-perangkaan tangkapan penyeludup dan pengedar-pengedar serta rampasan dadah-dadah berbahaya seperti yang ada disebut. Dalam tahun 1976 tangkapan sahaja 85 orang. Dalam tahun 1977 hingga bulan September ini tangkapannya ialah 44 orang. Tidak payahlah saya membuang masa meng-

huraikan satu persatu banyaknya drug yang telah dirampas.

Kejayaan Pusat Biro Narkotik dalam tahun 1977 adalah sangat menggalakkan walaupun jenis-jenis dadah yang dirampas tidak sebegitu banyak seperti di tahun-tahun yang kebelakangan tetapi heroin yang merupakan dadah paling merbahaya dan mahal telahpun banyak dirampas. Sekiranya sebegitu banyak heroin terlepas, bayangkanlah betapa banyak wang rakyat yang terbuang dan bilangan penagih-penagih yang timbul disebabkan heroin berkenaan.

Di sini, Tuan Pengerusi, suka saya menambah dalam perkara Pusat Biro Narkotik ini, sungguhpun kita telah dua tahun meluluskan satu Undang-undang dan meminda Undang-undang Dadah Berbahaya yang membawa hukuman mati atau jel seumur hidup kepada pengedar-pengedar dadah yang besar sudah lebih kurang 30-40 kes dibawa dan didakwa di Mahkamah cuma satu sahaja yang didapati dihukum gantung, yang lainnya boleh dikatakan semuanya dihukum jel seumur hidup, yang satu itupun dihukum gantung baru-baru ini dibawa dalam Mahkamah Ulangbicara telah diturunkan hukuman daripada gantung kepada jel seumur hidup. Ini bermakna sehingga hari ini belum ada satu kes lagi yang pengedar dadah ini telah dihukum gantung.

Saya tidak menyalahkan hakim-hakim membicarakan dalam kes-kes ini, kerana memang selalu di mana-mana di dalam dunia ini hakim-hakim bila menjatuhkan hukuman kalau ada antara satu hukuman gantung dan jel seumur hidup boleh dikatakan semuanya suka memilih hukum jel seumur hidup daripada digantung kerana hukuman yang kedua itu ada setengah perasaan mereka itu amat berat tanggungannya tetapi kalau hendak dibiarkan perkara ini berlaku setelah dua tahun tidak ada seorang pun digantung dan saya telah berucap banyak kali iaitu bagaimana besar bahayanya penyeludupan dadah khasnya heroin dan morphine kalau dibenarkan masuk ke negeri kita.

Saya telah berkata banyak kali kalau sekiranya seorang boleh menyeludup 10 paun heroin ke dalam negeri ini 1,000 atau 5,000 rakyat yang menderita seumur hidup dan kalau seorang membunuh saya cuma isteri dan anak-anak serta cucu saya sahaja yang menderita dan susah hati. Maka pendapatan saya membawa dan mengedar dadah berpaun-paun lebih besar bahaya kepada masyarakat dan negara daripada membunuh seorang. Kalau ini berlaku saya bercadang kalau diluluskan oleh Parlimen pada masa akan datang akan membawa lagi satu pindaan dalam Dewan ini iaitu satu pindaan, misalnya sesiapa yang mengedar dadah berbahaya seperti heroin atau morphine setengah paun atau lebih diberikan satu sahaja hukuman, iaitu gantung. Saya fikir kalau itu dibawa maka terpaksa hakim-hakim membicarakan hukuman-hukuman ini tidak ada lain jalan melainkan menjatuhkan hukuman gantung sahaja.

Saya memberitahu di sini Ahli-ahli Yang Berhormat hingga hari ini belum ada satu lagi kes yang pengedar dadah ini telah dihukum gantung. Padahal kita sedar sekarang ratus ribu boleh dikatakan rakyat kita, pemuda-belia kita yang terpengaruh menjadi penagih dadah dan Belanjawan yang kita cadangkan tahun ini \$10 juta pun tidak mencukupi untuk rehabilitate atau membaiki mereka ini. Itupun saya cuma membuat cadangan sahaja, kalau ada sokongan dan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat saya sedia sahaja bawa dan pinda undang-undang kerana saya kata dari masa ke semasa kita mesti mengubahsuaikan undang-undang kita mengikut keadaan yang ada dan pada pendapat saya, saya percaya rakyat menyokong Kerajaan yang ada iaitu demi keselamatan masyarakat dan negara adalah lebih penting daripada segala-galanya.

Dalam rancangan pembesaran Biro Narkotik tahun 1977 Pusat Biro Narkotik telah membuka dua bahagian iaitu di Ipoh dan di Kota Bharu dengan skeleton staff masa itu kerana kita dapati patutlah diadakan di Kota Bharu khasnya di Ipoh kerana kita dapati Kota Bharu itu satu daripada cara jalan dadah

masuk daripada Selatan Thailand melalui Kota Bharu dan terus melalui Pahang dan terus kadang-kadang ke kawasan saya di Mersing, Johor. Belanja untuk mengurus Pusat Biro Narkotik bagi tahun 1978 dianggarkan sebanyak \$1,745,460.

#### *Aktiviti (7) — Biro Siasatan Negara*

Objektif utama Biro Siasatan Negara diwujudkan ialah untuk membasmi rasuah di kalangan masyarakat khususnya kakitangan Kerajaan dan perbadanan-perbadanan awam dan juga termasuk semua yang ada berkuasa. Di dalam usaha ke arah pencapaian objektif ini BSN menjalankan kegiatan-kegiatan yang memberi efek-efek pencegahan yang mana dengan sendirinya dapat mengurangkan dan mengawal amalan rasuah dari bertambah berleluasan. Sebagaimana yang sedia termaklum, kita semua sedar dan mengakui bahawa rasuah adalah satu daripada gejala terbesar yang mengancamkan pembangunan negara di samping ancaman-ancaman lain yang mendapat perhatian penuh dari negara kita. Kita tidak boleh nafikan bahawa sekiranya masalah rasuah ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya akibat yang akan menimpa masyarakat dan negara sudah tentu akan membimbangkan. Kalau misalnya ancaman dari kegiatan kominis dan dadah sentiasa mendapat perhatian utama oleh pihak Kerajaan, masalah rasuah juga tidak kurang pentingnya dan beratnya perhatian yang mesti diberikan oleh Kerajaan dan Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, rasuah ini memang payah hendak dihapuskan kerana bagaimana saya katakan dahulu kedua-dua pihak yang memberi dan yang menerima ada faedah iaitu susah kita mendapat maklumat. Macam juga khalawat. Dua-duanya dapat seronok, memang tidak ada salah satu merepot kepada polis. Begitu juga rasuah. Bila seorang itu tidak tahan keperitan baru dapat repot rogol katanya, begitu juga rasuah, sudah banyak diberi tiba-tiba tidak dapat faedahnya baru dia datang merepot. Itu kita berkehendakkan

daripada orang ramai memberi repot kepada BSN atau pihak polis. Pihak BSN ini cuma boleh mengawal seberapa yang boleh atas kegiatan sebegitu banyak manusia, kakitangan Kerajaan, pegawai-pegawai yang lain yang berkuasa, tiap-tiap mereka yang ada berkuasa menentukan satu-satu keputusan sememangnya kalau menggunakan peluang itu untuk faedah dirinya atau rasuah, sebab salah menggunakan kuasa.

Mengawasi ini walaupun kita ada beribu pun orang hendak mengawasinya mustahil dapat dihapuskan melainkan tiap-tiap seorang yang bertanggungjawab samada kakitangan Kerajaan, ahli politik dan lain-lain menjaga dirinya sendiri, kebatinan dirinya sendiri, kepercayaan kepada dirinya sendiri, imanah kepada dirinya sendiri sebagai kita misalnya orang Islam yang tahu dan sedarkan Tuhan sentiasa memandang gerak-geri kita, tidak berani melakukannya dan orang yang bukan Islam dengan didikan yang baik sememang tidak mahu membuat perkara yang berlaku ini baru boleh dihapuskan rasuah ini iaitu iman pada seseorang Islam itu yang kuat pada dirinya. Yang lebih besar ubatnya ialah didikan, ajaran daripada kecil dan tiap-tiap seorang daripada yang berkuasa itu ada yang kuat beriman baru boleh dihapuskan. Kalau hendak harapan BSN atau repot daripada orang ramai sahaja sememang payah hendak dihapuskan. Itu pada pendapat dan pengalaman saya selama 15 tahun dalam Pendakwa Raya ini.

Atas hakikat inilah maka tanggungjawab menyiasat, mengawal dan jika boleh membasmi terus rasuah di dalam negara dibebankan ke atas bahu Biro Siasatan Negara. Di dalam menuju ke arah matlamat ini Biro Siasatan Negara menjalankan pelbagai tugas penting yang boleh dibahagikan kepada beberapa bidang yang saya tidak hendak memberitahu — panjang di sini, ada hampir 7-8 bidang — saya pendekkan sahaja, saya tinggalkan bab itu dan saya terus sambungkan.

Selain daripada menumpukan usaha ke arah menyiasat, mencegah dan menghapuskan rasuah di dalam negara, Biro ini juga diperluaskan bidang kerjanya dari semasa ke semasa. Tugas-tugas Biro ini sekarang tidak lagi terhad kepada menyiasat kes-kes rasuah sahaja, tetapi telah diberi kuasa untuk menyiasat kes-kes jenayah yang terdapat dalam undang-undang lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri yang bertanggungjawab mengikut kuatkuasa undang-undang Akta Biro Siasatan Negara No: 123/73. Sehingga hari ini, selain dari kuasa menyiasat kesalahan-kesalahan di dalam Akta Pencegah Rasuah, 1961 dan Akta Kastam 1967, Biro ini telah diberi juga kuasa untuk menyiasat kesalahan-kesalahan di dalam undang-undang berikut:—

- 3.1 Kanun Keseksaan
- 3.2 Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1970
- 3.3 Akta Polis 1967

Itu sahaja yang ada diberi kuasa kepada BSN menyiasat. Saya memikirkan pula dari pengalaman setahun ini selepas saya menjajah, berjalan ke sana kemari, saya hendak tambah lagi memberi kuasa kepada BSN ini, khasnya ada satu dua Jabatan yang saya fikir patut juga boleh diberi kuasa kepada BSN. Saya misalkan satu sahaja, kalau kita jumpa sebuah lori membawa kayu balak yang lebih berat atau kita sangka dia tidak membayar cukai yang cukup BSN tidak ada kuasa menahan lori itu melainkan Forest Officer. Dalam hal ini tangan orang BSN atau pegawai BSN terikat tidak ada kuasa. Demikian juga dalam misalnya RIMV. Kita tahu banyak kita dengar ada rasuah berlaku di dalam pejabat itu. Saya sedang memikirkan dan akan saya besarkan lagi bidang kuasa BSN ini, saya fikir perlu dan saya percaya Ahli Yang Berhormat menyokong saya ditambah lagi pegawai-pegawai BSN daripada bilangan yang ada kepada beberapa ramai lagi.

Kejayaan-kejayaan yang dipercayai yang dicapai oleh BSN telah menimbulkan bukan

sahaja kepercayaan di kalangan masyarakat terhadapnya, tetapi juga menimbulkan kesedaran akan kecelakan dan buruknya rasuah itu. Ini dapat dibuktikan dari bilangan maklumat yang diterima oleh BSN dari orang ramai yang semakin meningkat jumlahnya sekarang. Dalam tahun 1973 sebanyak 3,403 maklumat telah diterima oleh BSN manakala dalam tahun 1974: 3,544, dalam tahun 1975 meningkat 4,557, tetapi dalam tahun 1976 telah meningkat menjadi 6,192 maklumat yang diterima. Bilangan penyiasatan yang dijalankan dalam tahun 1976 — tadi terima maklumat — yang disiasat 950 yang menghasilkan seramai 247 orang yang ditangkap yang terdiri daripada 99 orang kakitangan Kerajaan dan 148 orang awam. Selain daripada itu, sebanyak 552 laporan tindakan tata-tertib telah juga dibuat terhadap kakitangan Kerajaan. Mereka yang 552 ini tidaklah salah dengan kuasa tidak cukup bukti hendak kita tuduh dalam Mahkamah, kita ambil disciplinary action atas mereka itu samada dibuang kerja, digantung kerja, tahan gaji dan lain-lain oleh Public Services Commission.

Kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam tahun 1977 ini pula terutama mengenai bidang penyiasatan dan pencegahan rasuah adalah menggalakkan dan sehingga 8 bulan pertama tahun 1977 ini didapati maklumat-maklumat yang telah diterima dalam 8 bulan ialah 4,839 dan penyiasatan yang dijalankan ialah 642. Bilangan yang ditangkap dalam 6 bulan ini ialah 130 orang terdiri daripada 50 pegawai Kerajaan, 80 orang awam. Dengan itu adalah diramalkan kejayaan-kejayaan yang lebih baik akan dicapai sehingga akhir tahun 1977 ini.

Pada hari ini, apabila ditinjau balik segala kemajuan dan perkembangan di dalam BSN, nyatalah bahawa institusi ini bukanlah ujud semata-mata sebagai Badan Penyiasat biasa, bahkan juga untuk memberi perkhidmatan yang positif kepada masyarakat yang tertindas disebabkan perbuatan rasuah oleh pihak-pihak yang berkuasa dan menguatkuasakan

undang-undang. Ujudnya BSN adalah hasil dari cita-cita dan keazaman Kerajaan dan seluruh rakyat untuk mengadakan satu Badan Penyiasat yang bebas, adil dan berkecuali yang mana merupakan satu kebanggaan negara. Ini ialah kerana adanya sekumpulan pegawai yang amanah dan dipercayai untuk menjalankan penyiasatan-penyiasatan ke atas perbuatan-perbuatan rasuah yang merupakan jenayah sosial yang semakin bertambah "sophisticated" hari ini dengan cekap dan tidak memihak ke mana-mana. Di sini bukanlah bertujuan sekadar hendak melahirkan rasa puashati terhadap kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh BSN, sebaliknya untuk dijadikan satu inspirasi dan dorongan kepada BSN khasnya dan kepada rakyat amnya. Inspirasi seumpama ini boleh menghasilkan kerja dan kejayaan yang lebih baik dan efektif di masa hadapan, di dalam perjuangan membenters rasuah yang menjadi musuh negara.

Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1978 adalah sebanyak \$9,298,030 untuk pembayaran gaji dan sebagainya bagi 663 orang kakitangan yang telah diluluskan berbanding dengan \$4,585,100 bagi tahun 1977. Ini bermakna perbelanjaan bagi tahun 1978 boleh dikatakan dua kali ganda daripada tahun 1977 kerana kita hendak menambahkan pegawai sekali ganda lagi ramainya. Kenaikan perbelanjaan ini adalah disebabkan pengisian kakitangan Biro Siasatan Negara yang berjumlah 663 itu yang dijangka akan dapat diisi sepenuhnya dalam tahun 1978. Daripada jumlah perjawatan seramai 663 orang yang telah diluluskan itu dan akan diisi, 450 orang terdiri dari Pegawai-pegawai BSN sendiri dan 213 orang Pegawai-pegawai Kumpulan Guna-sama.

Dengan terisinya semua perjawatan sebanyak 663 ini pada tahun 1978 saya percaya dan yakin Biro Siasatan Negara akan dapat bertindak dengan lebih giat lagi untuk menghasilkan kejayaan-kejayaan yang lebih berkesan pada tahun yang akan datang.

## KEPALA B. 50 — JABATAN PEMEGANG AMANAH RAYA

Sekarang saya merujuk kepada Kepala Bekalan P. 50 mengenai Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Jabatan ini adalah menjalankan tugas-tugasnya di seluruh Malaysia dengan mengadakan Cawangan-cawangan di tiap-tiap buah negeri dalam Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak.

Bilangan amanah-amanah dan pesaka-pesaka yang ditadbirkan oleh Jabatan ini semakin bertambah tiap-tiap tahun dan di antaranya ada beberapa pesaka yang bernilai berjuta-juta ringgit. Di samping itu, Pemegang Amanah Raya sekarang ini menjadi pemegang amanah bagi 15 tabung amanah saham yunit (unit trusts) — 4 tabung di bawah pengurusan Asia Unit Trust Berhad, 9 tabung di bawah MARA, satu tabung di bawah Amanah Saham Pahang Berhad, dan satu Amanah Saham M.I.C., yang bernilai semuanya \$63.2 juta. Permohonan untuk menubuhkan empat tabung amanah saham yunit lagi sedang diproseskan sekarang.

Untuk menyelenggarakan kerja-kerja yang telah bertambah, tujuh jawatan tambahan telah diwujudkan bagi tahun 1978. Didapati pada keseluruhannya Belanja Mengurus bagi tahun 1978 adalah sebanyak \$1,792,300 berbanding dengan \$1,381,100 bagi tahun 1977. Sebahagian besar daripada jumlah ini adalah akibat pemindahan ke tanggagaji baru di bawah pelaksanaan Gaji Baharu Kabinet.

## KEPALA B. 51 JABATAN PEMEGANG HARTA, MALAYSIA

Bebankerja jabatan ini juga terus bertambah dengan pesatnya dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini. Kes-kes yang merumitkan semakin hari semakin bertambah, terutama sekali pembubaran-pembubaran syarikat yang memerlukan tindakan segera. Bagi mengatasi keadaan sebegini

organisasi Jabatan ini terpaksa dirombak semula.

Bagi tahun 1978 negeri ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama Sabah dan Sarawak. Kedua, kawasan utara iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Trengganu dan ketiga kawasan selatan iaitu mengandungi Negri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang.

Saya suka memberi sedikit penerangan di sini iaitu dalam tempoh masa 1hb Januari hingga 31hb Ogos, 1977, Perintah Perhukuman telah dibuat terhadap 261 bankrap, 29 buah syarikat telah terpaksa dibubarkan oleh hukuman Mahkamah dan 22 buah pertubuhan dan kesatuan sekerja telah dikehendaki digulung oleh Jabatan ini kerana sijil pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan, dan Pendaftar Kesatuan Sekerja. Sepanjang Tahun 1976 Perintah Perhukuman telah dibuat terhadap 363 bankrap, 27 syarikat telah terpaksa dibubarkan di atas hukuman Mahkamah, dan 62 buah pertubuhan dan kesatuan sekerja dikehendaki digulung oleh Jabatan ini.

Jumlah peruntukan bagi tahun 1978 ialah sebanyak \$1,485,600 iaitu lebih sedikit dari peruntukan bagi tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah serba sedikit keterangan-keterangan mengenai Kementerian saya dan seterusnya memohon Kepala Bekalan 49, 50 dan 51 diluluskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

3.58 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin merujuk kepada Kepala B. 49, Aktiviti (4) berkaitan dengan Perkhidmatan Guaman. Atas perkara ini saya ingin merujuk kepada suatu perkara demi kepentingan awam iaitu bersabit dengan bayaran kemalangan, ganti-rugi atau pampasan kepada mangsa-mangsa kemalangan jalanraya.

Tuan Pengerusi, di dalam sidang Parlimen bulan Julai tahun yang lalu saya ada membangkitkan soal bagaimana cepatnya Kerajaan dapat menubuhkan satu Tabung Ganti-rugi Kemalangan Jalanraya yang mengikut contoh New Zealand untuk memberi faedah-faedah kepada mangsa kemalangan jalanraya atau waris-waris mereka. Pada masa itu Yang Berhormat Menteri Undang-undang dalam jawapannya memberitahu Dewan ini bahawa suatu jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang telah ditubuhkan untuk mengkaji dengan lebih mendalam perkara ini dan mempertimbangkan bagaimana suatu undang-undang dapat digubal dan dibentangkan dengan tujuan menubuhkan satu Tabung Pampasan Kemalangan Jalanraya.

Tuan Pengerusi, baharu-baharu ini juga dalam masa soal-jawab di dalam Dewan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang ada menyatakan bahawa pada masa ini adalah sukar hendak menyatakan dengan tegasnya bilakah sekim no fault compensation bagi kemalangan jalanraya itu akan dilaksanakan oleh kerana banyak kerja-kerja yang lain yang perlu dilakukan terlebih dahulu seperti penyediaan undang-undang dan selepas itu pula pengambilan kakitangan untuk mengendalikan sekim itu dan juga termasuk lain-lain masaalah. Katanya juga pada masa ini sebuah Jawatankuasa bernama Jawatankuasa Pampasan Kemalangan Jalanraya yang dipengerusikan olehnya yang menyediakan sebuah laporan mengenai sekim ini untuk dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada kenyataan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa Jawatankuasa Pampasan Kemalangan Jalanraya supaya memberi keutamaan kepada hal ini dan mengemukakan syor-syornya kepada Kerajaan dengan secepat mungkin dan juga saya berharap bahawa Jemaah Menteri akan dapat memberi kelulusan supaya satu undang-undang dapat digubal dan dikuatkuasa di

mana semua mangsa-mangsa kemalangan jalanraya dapat menikmati sekim pampasan ini dan dapat menerima bayaran pampasan samada mereka melakukan kesalahan atau tidak.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengesyorkan bahawa jumlah bayaran pampasan kepada setiap mangsa kemalangan jalanraya akan dan patut ditentukan oleh satu Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Tabung itu. Dengan cara ini mangsa kemalangan jalanraya dapat menerima bayaran pampasan dengan secepatnya tanpa dihadapkan kepada mahkamah yang biasanya merupakan satu proses yang amat lama dan juga satu proses yang mahal dan tidak menguntungkan mangsa kemalangan jalanraya itu. Sekim ini apabila dilaksanakan akan dapat meringankan juga beban mahkamah kita yang penuh sesak dengan kes-kes dan juga menentukan bahawa orang-orang yang terlibat akan diberi wang pampasan dengan cara adil. Pada masa ini sebilangan mangsa kemalangan jalanraya terpaksa menyelesaikan kes-kes mereka dengan mendapat wang pampasan yang rendah untuk mengelakkan kelambatan dan kesusahan yang mereka akan menghadapi apabila kes-kes mereka disampaikan kepada mahkamah. Pada masa ini juga banyak kes kemalangan jalanraya telah dibicarakan dalam mahkamah-mahkamah di mana kemalangan-kemalangan tersebut telah berlaku beberapa bulan dan tahun yang lepas dan oleh sebab ini kelambatan ini boleh melemahkan kes-kes mereka. Keputusan kes-kes mereka mungkin tidak membawa keadilan kepada mangsa-mangsa kemalangan jalanraya kerana kesilapan teknikal. Ini ada berlaku pada yang lepas.

Tuan Pengerusi, lebih kurang 45% kes kemalangan jalanraya yang disampaikan ke mahkamah Kuala Lumpur telah ditolak atas alasan-alasan atau kesilapan teknikal dan juga oleh kerana kadar kemalangan jalanraya di Malaysia adalah satu daripada yang tertinggi di dunia ini iaitu satu kematian bagi tiap-tiap 500 buah vehicle atau kenderaan. Saya

harap bahawa Kerajaan tidak melengahkan hal ini tetapi sebaliknya patut menubuhkan satu tabung pampasan kemalangan jalanraya seberapa cepat yang mungkin.

Perkara akhir yang saya ingin berucap ialah mengenai Aktiviti (5) Perkhidmatan Bantuan Guaman. Tuan Pengerusi, memandangkan kepada tambahan bilangan orang yang miskin yang tidak mampu yang ingin mendapat bantuan guaman di dalam Wilayah Persekutuan, saya ingin mencadangkan bahawa satu Biro Bantuan Guaman patutlah ditubuhkan di dalam Wilayah Persekutuan. Pada masa ini Biro Bantuan Guaman yang ada sekarang di Kuala Lumpur bukan sahaja memberi perkhidmatan kepada Wilayah Persekutuan tetapi juga ada berkhidmat untuk seluruh Negeri Selangor. Ini pada anggapan saya memang tidak mencukupi memandangkan kepada penduduk-penduduk yang besar yang tinggal di dalam Wilayah Persekutuan dan Selangor. Oleh hal yang demikian, saya mengesyorkan bahawa satu Biro Bantuan Guaman yang baharu yang lain patutlah ditubuhkan dan dilengkapi dengan peguam-peguam yang cukup di Wilayah Persekutuan untuk menampung keperluan rakyat yang miskin yang tidak mampu tetapi mereka ingin mendapat bantuan Guaman.

4.12 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh di bawah Kementerian Undang-undang di bawah B. 49 ini di bawah Kepala Perkhidmatan Pendakwaan; lebih tepat lagi satu aspek daripadanya iaitu saksi-saksi.

Tuan Pengerusi, dalam pendakwaan amatlah penting saksi-saksi demi untuk melaksanakan pendakwaan itu dan saksi-saksi ini memanglah diperlukan dari segi undang-undang untuk hadir ke mahkamah dan memberi keterangan-keterangan. Tetapi kadangkala saksi-saksi ini datang jauh daripada kawasan-kawasan pendalaman, daripada kampung-kampung, kampung-

kampung baharu, estet-estet dan sebagainya sudah tentulah mereka ini akan menghadapi kesulitan dari segi perbelanjaan, perjalanan dan sebagainya semasa mereka menghadiri perbicaraan dakwaan-dakwaan itu. Masa ini Kerajaan dan Kementerian ini memberi subsidi ataupun bantuan sebanyak \$3 sehari kepada saksi-saksi itu dan jumlah \$3 ini adalah satu angka jumlah yang telahpun diluluskan semasa Kerajaan British lagi dan setakat pengetahuan saya schedule pemberian kepada saksi-saksi ini belum pernah dikaji semula untuk menyesuaikan dengan keadaan pada hari ini.

Pada pendapat saya mungkin angka pemberian kepada saksi-saksi sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan pada hari ini, maka dengan hal yang demikian, saya suka hendak membawa syor untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada beliau sudi dan memikirkannya perlu untuk menimbang semula kadar pembayaran kepada saksi-saksi itu supaya sejajar dan selaras serta sesuai dengan keadaan hari ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan itu juga masa pembayarannya juga perlu kerana dari segi apa yang dialami oleh saksi-saksi pada hari ini mereka amat berasa sedikit susah iaitu pembayaran kepada saksi-saksi ini agak sedikit lewat, mungkin agaknya itu tidak dapat dielakkan oleh kerana keadaan-keadaan yang diperlukan, tetapi kalau boleh biarlah pembayaran kepada saksi-saksi itu dapat diberi dengan seberapa cepat yang mungkin oleh kerana mereka maklumlah kalau saksi-saksi itu datang daripada mereka yang kurang bernasib baik maka amatlah susah mereka hendak mendahulukan wang mereka dari segi pembayaran perjalanan, makanan dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, amatlah memberi pertolongan yang besar kepada mereka itu kalau boleh pembayaran itu diberi dengan kadar seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan Pusat

Biro Narkotik iaitu di bawah Kepala B. 49 juga dan semasa Yang Berhormat Menteri Undang-undang mengemukakan perbekalan Kementerian Undang-undang ada menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedang menimbang untuk meminda undang-undang bagi mengenakan hukuman mati secara mandatory sekiranya didapati seseorang itu bersalah. Saya bukan tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri Undang-undang itu, cuma saya suka hendak memberi pandangan bahawa mandatory death sentence itu kadangkala tidak mencapai matlamat yang kita hendak tuju iaitu hakim-hakim yang mendengar kes-kes itu adalah manusia dan jika mereka dapati bahawa mereka tidak ada discretion ataupun budibicara dalam menjatuhkan satu-satu hukuman maka ada kemungkinan sebagai seorang manusia para-para hakim ini akan memberi benefit of the doubt dalam satu-satu kes itu kepada seorang yang bersalah terlampau banyak sehinggalah kes-kes yang patut mungkin didapati salah tidak didapati salah, mungkin kes-kes yang mana tidak begitu tepat keterangannya maka sebagai seorang manusia biasa para-para hakim mungkin membuat keputusan melepaskan yang dituduh itu kerana jika didapati kalau mereka putus bahawa yang dituduh itu bersalah maka mereka tidak ada budibicara melainkan mesti menjatuhkan hukuman mati. Saya hanya membawa fikiran ini sahaja, saya tidak tahulah samada ini berlaku atau tidak ini hanya satu pandangan. Jadi, sebelum Yang Berhormat Menteri Undang-undang hendak meminda undang-undang berkenaan dengan narkotik ini itu sahajalah pandangan saya, tetapi bukan saya tidak bersetuju dengan itu tetapi hanya memberi pendapat yang mungkin boleh ditimbang oleh Yang Berhormat Menteri sebelum mengemukakan pindaan itu di Dewan yang mulia ini.

Perkara yang ketiga, saya suka hendak memberi sedikit pandangan iaitu di bawah tajuk kakitangan-kakitangan di bawah Kementerian ini. Sepertimana yang telah

diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang sebentar tadi Kementerian ini mempunyai banyak bahagian-bahagiannya dan mempunyai banyak kakitangan-kakitangannya dan sudah tentulah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan terpaksa menggunakan budibicara untuk menentukan siapakah pergi ke mana, siapakah berkhidmat di jabatan mana dan sebagainya. Di dalam perkara ini tentulah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan terpaksa menimbang syor-syor dan pendapat-pendapat daripada pegawai-pegawainya yang berjawatan tinggi kerana sudah tentu Yang Berhormat Menteri tidak dapat mengetahui seluruh keadaan kakitangan-kakitangan dalam Kementerian-nya. Dan dari segi hendak menghantar pegawai-pegawainya ke tempat-tempat yang berkenaan hendaklah diawasi supaya tidak ada berlaku apa-apa favouritism ataupun amalan kenegerian, bukan saya menyatakan perkara ini berlaku, tidak. Saya tidak menuduh dan saya menyatakan perkara ini berlaku di Kementerian Undang-undang, cuma hendak membawa perkara ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri Undang-undang supaya kenaikan pangkat ataupun meletakkan pegawai-pegawai di jabatan-jabatan dan saksi-saksi yang tertentu hendaklah berasaskan kepada kecekapan (merit) dan tidaklah selain daripada itu dan sekali-kali tidak diasaskan kepada kenegerian ataupun clique-clique.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya suka hendak menyentuh di bawah Kepala B. 49 ialah Perkhidmatan Guaman iaitu Aktiviti (4). Perkhidmatan Guaman amat penting bagi negara kita tetapi saya suka hendak memberi pandangan sedikit oleh kerana pegawai-pegawai ataupun kakitangan di jabatan ataupun saksi Perkhidmatan Guaman ini tidak bertambah pada hal pada pendapat saya inilah suatu sektor yang harus diperbesarkan dan ditambahkan perkara-perkara untuk Kementerian Undang-undang memberi Perkhidmatan Guaman. Saya suka hendak memberi syor dan pandangan kalau boleh kepada perkara-perkara ataupun subject

matter yang diberi bantuan guaman hendaklah diperbesarkan supaya memberi pertolongan kepada mereka yang perlukan pertolongan ataupun Perkhidmatan Guaman. Dan satu perkara yang saya suka buat syor di sini ialah untuk Kementerian Yang Berhormat Menteri Undang-undang menimbangkan satu sistem yang memang diamalkan oleh banyak negara iaitu public defender system. Di negara kita memberi Perkhidmatan Guaman kepada kes-kes sivil sahaja tetapi tidak memberi bantuan guaman kepada kes jenayah kecuali kes yang mana hukumannya hukum mati maka itu ada diberi bantuan guaman tetapi selain daripada itu tidak ada bantuan-bantuan yang diberi mengikut undang-undang pada hari ini. Saya suka hendak memberi pandangan mungkin masanya sudah tiba untuk negara kita mengamalkan ataupun mengemukakan satu sistem yang mana beberapa kes-kes jenayah yang difikirkan berpatutan dan perlu diberi pertolongan dari segi Perkhidmatan Guaman ataupun defence kepada seseorang yang perlukannya. Perkara ini mungkin timbul oleh kerana akhir-akhir ini saya dapat tahu bahawa peguam-peguam nampaknya enggan memberi pembelaan kepada kes-kes di bawah ISA (Internal Security Act). Ini adalah satu keadaan yang amat mendukacitakan dan amat memalukan yang mana mereka yang didakwa di bawah ISA tidak dapat pertolongan guaman oleh kerana peguam-peguam tidak mahu memberi pembelaan kepada mereka yang dituduh di bawah ISA.

Saya suka hendak membawa pandangan di bawah dakwaan ISA ini mungkin Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh menimbangkan memberi guaman percuma kepada mereka yang kena dakwa ini di bawah sistem Public Defenders ini mungkin dimulakan dengan kes-kes di bawah ISA yang mana mereka tidak ada guaman maka Kerajaan ataupun Kementerian Undang-undang menerusi Public Defenders System ini memberi pembelaan ataupun Perkhidmatan Guaman secara percuma kepada mereka ini. Ini satu

cadangan yang saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkannya.

Akhir sekali, saya suka hendak sentuh di bawah Kepala Biro Siasatan Negara yang mana di dalam persembahan Yang Berhormat Menteri Undang-undang sebentar tadi ada menyatakan hasratnya untuk membesarkan lagi kuasa-kuasa Biro Siasatan Negara. Di sini saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan cuma sekali lagi saya suka hendak memberi pandangan sebelum pindaan undang-undang ini dibuat untuk membesarkan kuasa Biro Siasatan Negara ini, kita haruslah mengkaji dengan teliti untuk menentukan samada kuasa mereka yang telah ada ini sudah cukup besar, mungkin sudah cukup besar kuasa-kuasa BSN sekarang ini sebelum kita hendak menambah lagi kuasa-kuasa BSN ini. Saya pun tidak tahu, saya belum dapat membuat kajian yang mendalam tetapi itulah pandangan saya sebelum kuasa-kuasa BSN ini diperbesarkan hendaklah kita mengkaji dengan teliti samada kuasa yang telahpur: diperuntukkan di bawah undang-undang sekarang ini sudah cukup besar untuknya bagi menjalankan tugas dan kewajipan BSN kerana kita juga mesti berjaga-jaga dalam perkara ini, bukanlah saya tidak percaya kepada BSN — tidak, tetapi maklumlah kita juga semuanya manusia. Kalau kita memberi kuasa yang terlampau besar kepada sesuatu jabatan, takut-takut pula berlaku salahguna kuasa di dalam Biro Siasatan Negara lebih-lebih lagi jika tidak ada satu jentera, tidak ada satu jabatan untuk mengawasi BSN. Kalau kita sudah beri terlampau banyak dan berlebihan kuasa kepada BSN mungkin terpaksa pula Yang Berhormat Menteri Undang-undang datang ke Dewan ini untuk menubuhkan satu lagi badan yang baru untuk mengawasi pula BSN ini supaya mereka tidak menyalahgunakan kuasa-kuasa mereka, tetapi saya percaya perkara itu tidak berlaku kepada Biro Siasatan Negara kita telah berjalan dengan baik dan memberi khidmat yang cemerlang kepada masyarakat dan negara.

Sekian sahaja. Tuan Pengerusi, sunggupun saya memberi pandangan-pandangan tetapi saya berdiri memberi sokongan yang penuh kepada bekalan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

4.25 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan, di sini saya sukalah bercakap beberapa perkara yang pada pendapat saya patut. Yang pertama, Pusat Biro Narkotik kerana banyak dadah yang merbahaya sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Tetapi yang menghairankan saya ialah ada setengah-setengah tempat, saya sendiri tidak kenal apa itu dadah ataupun heroin tetapi banyak dikatakan oleh orang kalau hendak tengok dadah ataupun pengedar-pengedar dadah secara kecil-kecil ini, misalnya, di Kangar, duduk atas rumah UMNO; satu bangunan di tepi pekan Kangar maka didapati pengedar-pengedar dadah dia pass daripada satu kawan ke satu kawan melalui motosikal dan sebagainya. Kita hairan yang perkara ini tidak ditangkap. Dengan sebab itu tidak tahulah saya barangkali kekurangan pegawai ataupun kakitangan ataupun tidak cekap pegawai-pegawai atau kakitangan untuk mengesan perkara-perkara yang tersebut. Maka dengan sebab itu, saya mencadangkan kalau kurang kakitangan hendaklah ditambah kakitangannya lagi dan kalau cukup tetapi tidak dapat mengesan, latihan yang cukup hendaklah diberi supaya dapat mengesan.

Tuan Pengerusi, undang-undang tetap undang-undang, perasaan tetap perasaan. Yang saya takut kadang-kadang perasaan lebih mengatasi undang-undang. Saya berkata begitu saya beri dua contoh di Perlis. Satu contoh dadah, dalam tahun ini juga, dalam akhir-akhir ini satu hamba Allah telah ditangkap kononnya hamba Allah itu membawa dadah tetapi hamba Allah ini bukan mem-

bawa dadah, tetapi disebabkan dia bertelagah pendapat dengan seorang polis yang mana polis itu menangkap dia naik motosikal disebabkan satu kesalahan, maka budak yang kena tangkap tadi ialah budak Pejabat Pos. Dia pula ada kuasa dan diambil tindakan pula, bila sampai surat yang dihantar kepada polis tadi sebagai seorang postman atau penghantar surat, budak ini pula bertindak dengan tidak patut, dikoyak ataupun tidak dihantar surat yang berkenaan. Lama-kelamaan polis pun menyiasat mengapakah surat yang patut sampai tidak sampai, akhirnya dapat diketahui yang hamba Allah tadi mengoyakkan suratnya. Untuk membalas dendam, dia terpaksa berpakat dengan kawannya membubuhkan dadah di motor hamba Allah yang tersebut. Walaupun tidak dapat dimasukkan dalam jel tetapi hamba Allah tersebut disiksa dan dipukul, tetapi syukurlah hamba Allah itu ada pegawai yang kenal menjamin yang Penjamin itu berkata dia adalah murid saya, saya kenal dia daripada kecil, budak ini tidak buat kerja macam ini. Tetapi bila disiasat ini sebab balas dendam. Ini perkara yang saya cukup takut, Tuan Pengerusi. Di samping itu saya menyokong tindakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi membuat undang-undang hukum bunuh berkenaan dengan pengedar dadah. Saya harap perkara ini disiasat dengan betul kerana telah berlaku kepada orang yang saya cukup kenal kerana perasaan, perasaan membawakan seorang yang tidak bersalah merengkok dalam jel sampai berbelas-belas tahun. Kawan saya sendiri satu sekolah yang saya dapati barangkali tidak bersalah tetapi kerana diupah oleh kawan lain, maka orang yang tidak berkenaan tadi kena tangkap, kerana aniaya oleh seorang kawan lagi sampai berbelas tahun. Jadi dengan perasaan inilah saya berharap kita kaji betul-betul walaupun undang-undang itu saya tidak nafikan undang-undang tetap undang-undang, yang salah tetap dihukum tetapi kadang-kadang maklumlah kita tidak tahu apa yang ada dalam hati perut manusia dan kita tidak dengar melainkan apa yang didengar dengan telinga. Itu kita sebagai manusia.

Di samping itu kita harapkan supaya diasas dengan teliti, saya harap sangat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi patut diawasi berkenaan dengan Biro Narkotik ini. Satu lagi, saya minta walaupun banyak yang ditangkap orang yang mengedar dadah, tetapi yang banyaknya lepas lari, yang dapat ditangkap barang-barang. Barang-barang yang dapat ditangkap, saya tidak tahu-lah samada ada pakatan supaya dapat tangkap barang dia dapat hadiah sama banyak, wallahualam, saya pun tidak tahu tetapi dapat, walaupun ada yang dapat ditangkap tetapi yang paling banyak orang tidak dapat, yang dapat ditangkap ialah barang dan yang saya sedih, Tuan Pengerusi, yang mengambil upah ini kerap kali orang yang hendak cari makan, orang miskin. Ketua pengedarnya adalah orang yang ada kereta Mercedes 280S, boleh jadi lebih besar daripada itu, duduk dalam rumah batu dan sebagainya. Pengedar-pengedar dadah tadi terdiri daripada orang yang cukup miskin hendak ambil upah cari makan. Kalau kena macam budak yang berlaku di Perlis, Yang Berhormat Menteri pun tahu, dan diapun agak saya meringankan sedikit hukumannya yang agak berpatutan. Budak itu kena hukum bunuh kalau tidak silap. Saya cukup sedih. Budak ini saya dapat tahu budak miskin, tetapi apa boleh buat kerana hendak cari makan.

Saya berharap kalau biasa Kerajaan buat perkara lain menyiasat macam seludup beras dibuang daerah dan sebagainya, perkara ini kita siasat, kita tahu orang itu kaya dengan sebab-sebab apa, dengan tidak ada satu kerja, kita tentu dapat menyiasat. Perkara ini saya harap diambil tindakan dan saya berharap lagi, Tuan Pengerusi, kerana kita ini agaknya cara mengesannya kurang, saya dapat tahu ada dua ekor anjing pengesan untuk mengesan perkara-perkara ini. Anjing ini kalau setakat dua ekor tidak cukup untuk mengesan, bahkan tambah lagi sebaik-baik seberapa banyak yang boleh terutama bagi kawasan sempadan.

Saya tidak nafikan walaupun negeri saya sendiri Negeri Perlis apakan daya kerana negeri bersempadan hendak masuk sesuatu benda ke negeri melalui sempadan. Jadi penjagaan keselamatan di sempadan patut diperketatkan lagi.

Yang kedua, saya ambil dari bawah naik ke atas, mengenai perkhidmatan bantuan guaman.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa sebab!

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tidak ada apa-apa sebab, sengaja saya ambil semacam itu. Daripada bawah naik ke atas, daripada Aktiviti (5) saya naik ke Aktiviti (6). Berhubung dengan bantuan guaman ini, saya ucapkan terima kasih kerana banyak bantuan diberi tetapi pada pendapat saya tidak cukup.

Perkara pertama kerana kebanyakan orang ramai tidak faham dan orang ramai tidak tahu. Saya tidak mahulah kalau boleh lawyer-nya khas, saya tidak tuduh orang yang berkenaan itu cengil tetapi kadang-kadang saya tengok muka orang itu garang sedikit. Saya harap kalau boleh carilah orang yang bermuka selamba supaya mudah orang mahu pergi minta tolong dengan dia. Kedua, biarlah beri penerangan sehingga ke mesjid-mesjid mengatakan ada bantuan guaman diberikan oleh Kerajaan tetapi setengah-setengah orang masih tidak tahu. Ketiga, saya sokong ucapan Ahli Yang Berhormat dari Sepang tadi kerana di Perlis yang saya tahu bantuan guaman yang diberi hanyalah untuk nikah dan cerai, bantuan lain jarang orang lain pergi cari kerana orang tidak tahu. Oleh itu berilah penerangan supaya orang tahu dan berkenaan nikah dan cerai inipun kalau masuk dalam perkara berapa pun di dalam peruntukan bagi Kementerian Undang-undang inipun saya sentuh juga. Saya sokong pendapat Yang Berhormat Menteri tadi kalau orang yang salah kerap kali mengatakan BSN menangkap orang rasuah bukan sahaja kerana menerima rasuah tetapi jua yang memberi rasuah. Begitu juga fasal rogol. Dia kata bukan seorang. Kalau

seorang tentu tidak jadi. Saya amat bersetuju, rogol apakah namanya sampai empat kali, daripada bulan Januari, Februari, Mac dan April, — rogol ini sekaligus, tangkap, paksa kemudian rogol! Ini empat lima kali, bukan rogol lagi, Tuan Pengerusi. Rogol ini tangkap, cekup dan paksa!! Ini bukan kalimah rogol lagi. Tetapi yang sedih mengenai Undang-undang ini saya pun tidak tahu, mengikut undang-undang mana, salah tetap lelaki sahaja yang kena, perempuan jarang dianggap bersalah. Aniaya! Undang-undang ini kalau boleh hendaklah dipinda kerana cukup aniaya. Kalau boleh saya mahu cadangkan di dalam bantuan guaman ini iaitu penerangan yang jelas jangan hanya menitikberatkan soal nikah dan cerai sahaja.

Satu lagi saya tegaskan di sini dan saya harap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi undang-undang ini aniaya sangat kepada kita kaum Adam, kerana golongan inilah yang kerap kali menerima bala, sedangkan kaum Hawa yang turut sama, tidak terlibat.

Yang lagi satu, Tuan Pengerusi, saya naik ke atas iaitu Perkhidmatan Guaman, saya juga sokong sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang tadi tidak patut elaun saksi diberi \$3.00 sebab dia sudah cakap tidak payahlah saya ulang lagi walaupun saya tulis. Memandangkan kepada keadaan masa elaun ini amatlah tidak menasabah.

Yang kedua, dari segi pendakwaan. Saya pun hairan, Tuan Pengerusi, kadang-kadang seorang hamba Allah dituduh curi ayam, kes ini sampai tiga tahun tidak selesai, kerana ayam seekor. Pergi sekali postpone, pergi lagi sekali postpone juga. Kalau boleh kita pandangkan kepada jenis-jenis kes. Kalau kes setakat dua ekor ayam ataupun dua ekor itik selesaikanlah dengan dua kali bicara, tidak payahlah nanti sampai empat lima kali barulah hendak bicara dan masih tidak selesai lagi. Walaupun pendakwa tidak cukup, ini tentulah merugikan masa hamba Allah itu.

Apabila ditanya apa fasal hamba Allah itu mencuri, belum ditetapkan lagi dia mencuri kerana belum dihukum oleh mahkamah, cuma dituduh. Ini selalu terjadi sebab dituduh curi itik sampai tiga tahun kes itu tidak selesai. Saya harap kes-kes yang kecil ini dapat diselesaikan segera.

Yang ketiga, kalau boleh disegi jamin-menjamin ini, saya bukanlah hendak menjamin orang mencuri itik. Kalau boleh cara jaminan seperti ini saya tidak mahu terus. Tetapi apakan daya sebagai Wakil Rakyat, kadang-kadang kita tahulah manusia ini, tidak begitu jahat tetapi ada orang yang sakit hati padanya. Barangkali pada masa beberapa tahun yang lepas dia biasa mencuri, orang boleh tuduh dia dengan tidak ada kenyataan, itik ayam orang lain ambil, disembelih, makan dan sebagainya, tetapi hamba Allah itu kena tuduh. Kita sebagai Wakil Rakyat disuruh menjamin. Tidak jamin serba salah. Kalau hendak katakan dia mencuri belum ditetapkan lagi. Kalau ada itik di tangan saya pun tidak jamin. Ini cuma tuduhan. Kita tidak jamin salah dan hendak jamin salah. Sampai \$100 ini pun tidak kuasa boleh jamin, kalau perkara-perkara bunuh-membunuh tidak payahlah cari penyakit, Wakil Rakyat pun tidak mahu jamin. Kalau setakat \$150 saya haraplah beri kuasa kita boleh jamin dan kita fikir juga orang yang kita agak boleh dijamin. Bukan semua yang kita tahu penyamun, tentu kita tidak mahu jamin, kalau boleh lari, kita larilah. Itu saya agak tuduhan itu belum tepat lagi.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, mengenai pentadbiran. Saya haraplah kes-kes biasa misalnya seorang Menteri membuat satu pengumuman di dalam akhbar, kemudian di dalam mahkamah lain pula, jadi desas-desus yang didengar oleh orang kampung tidak siapa faham. Biarlah sesuatu perkara itu selagi belum dijatuhkan hukuman jangan dibuat pengumuman apa-apa walaupun daripada mana sekalipun. Misalnya, kalau tidak silap saya mengenai kes budak yang lepas dari hukuman mati.

Sekarang saya masuk kepada Kepala B. 50 tentang Pesaka. Pesaka ini, Tuan Pengerusi, siapa yang ada duit senang makan. Tetapi kita tidak lupa, banyak daripada penduduk-penduduk kampung kadang-kadang kerana pesaka ini bergaduh sesama keluarga. Saya harap kalau didapati kekurangan pegawai dan sebagainya hendaklah ditambah dan saya harapkan kepada Menteri yang berkenaan kami bagi pihak penduduk-penduduk kampung kerana kami faham sangat-sangat berkenaan dengan pesaka ini kadang-kadang sampai 20 tahun tidak dapat selesai, tidak dapat dibicarakan dan tidak dapat dibahagikan dengan tepat. Padahal kalau hendak ikut ini rugi ada dua tiga rugi. Satu, rugi kepada orang yang patut dapat dia tidak dapat. Orang yang patut dapat tidak dapat, orang yang tidak patut dapat boleh makan. Itulah keadilan mengikut perasaan. Dari segi perikemanusiaan memang tidak patut. Kalau dipandang dari segi ugama, agak saya perkara ini kita boleh berdosa. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan kalau didapati kurang pegawai hendaklah ditambah pegawai yang berkenaan dan kalau didapati kurang cekap dan sebagainya hendaklah beri kursus yang cukup supaya apa yang saya katakan tadi dapat kita atasi sedikit sebanyak seberapa cepat yang boleh untuk mengemaskan berkenaan dengan pesaka dan bagi kemudahan dari segi perikemanusiaan dan keadilan dan keadilan ini juga dituntut oleh Islam.

4.38 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan bekalan bagi Kementerian Undang-undang dan ingin saya membawa satu perkara di muka surat 367 mengenai Perkhidmatan Pendakwaan.

Dalam hal Prosecution Services ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini khasnya kepada Menteri Undang-undang seperti yang telah diterangkan oleh sahabat saya dari Sepang tadi baru-baru ini yang mana Per-

satuan Peguam kita di dalam negara telah mengambil satu tindakan yang berupa suatu arahan kepada ahli-ahlinya tidak mahu membela kes ISA. Ini telah menimbulkan satu kerumitan kepada pihak yang berkenaan dan juga dengan secara langsung telah mencabar keutuhan dan kedaulatan undang-undang negara kita, satu undang-undang ISA yang telah diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang saya kesalkan tindakan yang menggunakan nama persatuan tetapi apabila dikaji dengan mendalam didapati rupanya ahli-ahli persatuan yang mengambil bahagian membuat keputusan sedemikian adalah tidak ramai tetapi kerana menggunakan nama persatuan seluruh ahli-ahli persatuan telah terbabit. Walhal kita semua sedia maklum di dalam negara kita ini keutuhan undang-undang dalam negara adalah satu keadaan yang paling suci (autonomous) dan undang-undang ataupun sebagai seorang peguam adalah dianggap sebagai satu nobel profesion di dalam negara ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Saya mintalah kepada Kerajaan khasnya Menteri Undang-undang supaya mengkaji balik kedudukan Persatuan Peguam di dalam negara kita ini. Samada constitution kesatuan itu cukup lengkap ataupun samada syarat-syarat ataupun by-law kesatuan tersebut boleh dikaji semula supaya pada masa yang akan datang kedudukan undang-undang di negara kita ini tidak boleh diperkotak-katikkan. Dan apa yang membimbangkan sejumlah besar penduduk-penduduk negara kita ialah ditakuti ada di antara ahli-ahli kesatuan ataupun peguam-peguam di dalam negara kita ini menggunakan kesatuan tersebut sebagai alat untuk menyuarakan suara-suara yang boleh menjejaskan keutuhan undang-undang di dalam negara kita yang telah diluluskan oleh Parlimen. Walaupun kesatuan tersebut berhak mengemukakan pendapat-pendapat, tetapi keputusan yang dibuat oleh Parlimen sepatutnya itulah yang paling tinggi

sekali yang tidak boleh lagi disangkal. Jadi, saya minta pada pihak Kerajaan membuat kajian yang teliti supaya kedudukan kesatuan ini betul pada tempatnya dan juga sesuai dengan keadaan susunan negara kita. Walaupun pihak kesatuan ataupun ahli-ahli kesatuan berpendapat terutama sekali peguam-peguam yang mudah yang telah mendapat didikan luar negeri cuba hendak membawa fahaman-fahaman dan pendapat-pendapat yang mereka pelajari untuk dibentangkan, dikemukakan supaya diikuti oleh rakyat jelata di dalam negara ini. Dalam perkara ini inginalah saya menasihatkan peguam-peguam tersebut hendaklah mengkaji latarbelakang suasana pemikiran dan bentuk segala adat resam dalam negara kita yang berbilang bangsa.

Kita tahu belum ada pernah lagi kita dengar seseorang itu sanggup berkorban kerana keadilan, saya percaya sebab-sebabnya ISA ini diluluskan oleh pihak Kerajaan ialah kerana telah banyak bukti yang mana kita susah hendak mendapat saksi-saksi untuk menyelesaikan sesuatu hukuman atau sesuatu percabaran, ialah keadaan ketakutan masih didapati di kalangan orang-orang yang cuba hendak memberi saksi. Tambahan pula beberapa kes kita tengok oleh sebab undang-undang negara kita yang begitu adil banyak peguam yang terlepas begitu dan ini boleh mengancam kedudukan orang-orang yang bersungguh-sungguh hendak menolong menegakkan keadilan di dalam negara ini. Maka memandangkan pada inilah saya menyeru kepada Persatuan Peguam di dalam negara kita ini memikir, pandang jauh dan hendaklah sebarang tindakan yang mereka jalankan itu sesuai dengan kedudukan dan pemikiran rakyat yang sejumlah besar, janganlah diberi pandangan dan pendapat untuk segelintir orang-orang yang mereka fikirkan cukup faham dengan undang-undang.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya minta kepada pihak Kerajaan kita khasnya Kementerian Undang-undang hendaklah mengkaji semula kedudukan kesatuan atau kea-

daan ahli-ahli profesion di dalam negara kita supaya negara kita pada masa hadapan akan terjamin. Kita tidak mahu Persatuan Peguam ini kelak berlagak ataupun dianggap oleh orang ramai sebuah persatuan tidak ada bezanya seperti trade union. Inilah yang kita takuti dan kita tidak mahu Persatuan yang sebegini mulia yang dianggap tinggi oleh masyarakat tiba-tiba jatuh ke lembah hina yang tidak boleh diperbaiki lagi, dan ini akan merosakkan keadaan negara kita. Kita semua sedia maklum negara kita yang berbilang bangsa ini penuh dengan berbagai-bagai ancaman. Kalau undang-undang negara kita tidak tegas dan tidak akan memberi harapan kepada rakyat jelata apa yang kita takut rakyat jelata akan tidak mempunyai kepercayaan yang penuh di atas keutuhan undang-undang di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya minta sekali lagi kepada Kementerian yang berkenaan mengadakan satu cara yang sesuai supaya perkara-perkara, tindakan yang pernah diadakan oleh ahli kesatuan seperti memboycot ISA case itu tidak akan berlaku lagi.

Perkara yang kedua, ingin saya menarik perhatian iaitu Kepala B. 51, masalah kedudukan peringkat pentadbiran harta-harta siberhutang atau sibangkrap. Pada hari ini seseorang kalau telah jatuh bangkrap ataupun yang dikatakan mufliis tidak ada nampak perbezaan atau tekanan masyarakat kepada mereka yang berkenaan. Saya ingat pada waktu saya kecil-kecil dahulu orang ramai mempunyai satu perasaan malu sekiranya kalau mereka itu dianggap seorang mufliis ataupun bangkrap. Tetapi pada hari ini perkataan menjadi bangkrap itu telah menjadi satu alat untuk memperdayakan kelak kepada satu pihak yang lain. Jadi saya mintalah pihak Kementerian Undang-undang mengadakan satu undang-undang yang tegas supaya untuk seseorang itu yang dijatuhkan hukuman bangkrap merupakan satu hukuman yang serius yang boleh mendatangkan kesan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Dan juga untuk mengelakkan supaya janganlah

menjadi bangkrap itu sebagai satu helah ataupun satu alat untuk hendak menipu orang lain dan selepas itu dia boleh kembali kepada masyarakat biasa dan orang semua telah lupa.

Sekianlah, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong penuh.

**Tuan Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.47 ptg.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan belanjawan bagi Kementerian Undang-undang yang saya kemukakan tadi. Saya dapati kebanyakan ucapan-ucapan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu boleh dikatakan semuanya dengan secara ikhlas dan setengah daripadanya amat membina. Saya sangat puas hati atas sokongan-sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran. Saya mengambil ingatan dan pandangan di atas perkara-perkara yang disebut dan mana yang boleh segera saya jalankan, saya akan terus melaksanakan perkara-perkara yang disebut, yang dibangkitkan tadi.

Saya mulakan yang pertama Ahli Yang Berhormat dari Setapak membangkitkan berkenaan dengan boycott oleh peguam-peguam berkenaan dengan kes-kes ISA yang kita semua telah tahu dan jawapannya ialah saya menerangkan di sini iaitu Kerajaan telahpun meluluskan satu Rang Undang-undang dan saya nampak belum lagi dibahagikan atau diedarkan di dalam Dewan ini. Saya tidak tahulah mengapa lambat diedarkan, padahal saya tahu Jabatan saya pagi-pagi sudah dihantarkan ke Dewan Rakyat ini, tetapi belum diedarkan lagi sampai sekarang. Saya tunjukkan di sini, dan saya dapat salinannya iaitu "Act to amend the Legal Profession Act, 1976". Inilah undang-undang yang akan dibawa dalam Parlimen yang akan boleh mengatasi masalah-masalah yang timbul

akibat daripada boycotting ataupun ketiadaan pembelaan oleh peguam-peguam atas kes-kes ISA sebagaimana yang kita baca dalam akhbar-akhbar dan masaalah-masaalah yang telah disebut dan dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi, ada semua jawapannya, apakala dibentangkan Rang Undang-undang yang ada di tangan saya ini, maka saya harap dapat diedarkan pada petang ini juga atau pada hari esok kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya sempat dibaca Rang Undang-undang ini.

Ada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang mengatakan supaya diadakan public defender sahaja. Perkara ini telah saya timbang dengan halus dan dibahas dengan Ahli-ahli Kabinet saya berkenaan dengan boleh kita adakan satu dua orang pegawai public defender yang dibayar gajinya oleh Kerajaan. Kalau kita boleh adakan public defender macam itu tetapi nanti dikritik daripada orang ramai mengatakan itupun orang Kerajaan juga, pegawai Kerajaan, macam wayang kulit, diberinyalah satu pegawai menjadi defender atau pembela orang itu di bawah ISA tetapi semuanya dikatanya di belakang tabir sudah berpakat semuanya itu, tidak akan menang. Itulah satu sebab sungguhpun ada cadangan daripada hati yang ikhlas saya hendak mengadakan satu dua public defender untuk mereka itu. Dengan sebab itulah tidak diadakan public defender padahal kita ada peruntukan yang mana Kerajaan akan membayar tiap-tiap hari kalau saya tidak salah \$125 atau \$150 sehari kepada mana-mana peguam yang dipilih oleh mahkamah untuk membela mereka dan saya akan mencadangkan supaya pembayaran peguam yang hendak membela kes-kes ini dinaikkan kepada \$300 sehari. Saya harap ada antara peguam-peguam kita, khasnya peguam bumiputra mahu ke hadapan membantu Kerajaan; menunjukkan tauladan kepada peguam-peguam lain iaitu seorang yang ada kesalahan itu memang patut dibela walau apapun undang-undang yang diluluskan oleh Kerajaan dan saya akan mencadangkan kepada Ketua Pendaftar Mahkamah supaya

dinaikkan bayarannya itu hingga \$300 sehari. Saya fikir kalau kita ambil peguam yang macam itu yang rela dengan sendirinya untuk membela mereka yang dituduh di bawah ISA dipilih oleh mahkamah dan dibayar adalah lebih baik, lebih berkesan daripada cadangan Ahli Yang Berhormat mengadakan public defender sebab perkara ini sudah saya timbang dengan halus dan saya fikir takut akan dapat kritik yang kurang baik terhadap Kerajaan tetapi cadangan itu memang baik dan sudahpun ditimbang.

Berkenaan dengan cadangan bayaran daripada Ahli Yang Berhormat dari Sepang, saksi-saksi dibayar \$3 dan kerugiannya tidak bekerja pada hari itu, tambang dan lain-lain yang tidak naik sekarang, perkara ini sudah dibincang oleh saya banyak kali. Yang sebenarnya perkara ini ialah di bawah Jabatan Keadilan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, telah ditimbulkan di sini dan saya akan bawa perkara ini dan beritahu kepada pihak mahkamah supaya apa caranya patutlah kita tambahkan, kalau betul \$3 sehari memanglah pada masa sekarang \$3 itu apa hendak dapat, kalau hendak makan sekalipun tidak mencukupi, khasnya di Kuala Lumpur ini dan ada di antara mereka itu meninggalkan kerja kadang-kadang berhari-hari. Perkara ini akan saya bawa kepada pihak mahkamah sungguhpun bukan di bawah Kementerian saya.

Perkara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar berkenaan tuduhan-tuduhan kadang-kadang Polis menangkap kerana membalas dendam dan perkara-perkara lain, ini memang banyak kali ditimbulkan. Dalam kawasan saya pun banyak berlaku. Semua itu yang kena tangkap mereka semua memberitahu saya bahawa mereka kena aniaya katanya, dibunuh barang di situ kemudian saya ditangkap. Perkara ini memang banyak timbul khasnya mengadu kepada Wakil Rakyat. Kita jangan percaya semua itu, jangan telan bulat-bulat, tidak semuanya Polis begitu, ada antaranya yang buat demikian tetapi kalau kita siasat saya

dapati ada yang dianiayakan saya dengan tidak lengah-lengah akan mengambil tindakan bagaimana kes yang ada dibicarakan sekarang. Kalau ada kes macam itu betul berlaku Ahli Yang Berhormat boleh membuat report Polis dan kalau sekiranya tidak ada tindakan kepada pihak atasan, barangkali yang berkuasa Polis boleh terus berhubung kepada saya sendiri. Ada kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tulis terus perkara itu kepada saya sendiri dan kita mesti adakan satu pegawai Polis dari luar negeri itu untuk menyiasat perkara yang berlaku dalam tempat itu supaya di atas penyiasatan satu Polis dari luar barulah adil dan kalau ada tuduhan ini saya harap janganlah difikirkan semua pihak Polis ini kalau menangkap orang itu pistol dibunuh, dadah dibunuh, kemudian baru ditangkap dan kes semacam itu ada dalam 100 — satu dua yang membuat begini. Ini tidak bermakna semuanya ada perkara macam ini.

Beliau ada membangkitkan berkenaan dengan tangkapan dadah selalu banyak dapat dadah di sempadan tetapi orangnya lepas lari, tetapi bila dichallenged dia terjun dari motosikal dan terus lari ke seberang balik. Ini berlaku dekat Chuping, tempat gula banyak selalu penyeludupan di situ dan mereka itu telah diberi bekalan, yang menjaga itu lengkap dengan senapang, dengan rifle yang amat moden dan saya telah memberi kebenaran kes ini boleh dibawa kepada hukuman gantung dan sekiranya mereka itu melawan dan menembak atau lari kita tahu mereka itu membawa dadah boleh ditembak tetapi selalu bila dikejar tidak dapat katanya, cuma dapat dadah sahaja, boleh jadi mereka ini cekap. Tetapi apa yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah takut sempadan itu tempat mereka bawa dadah, campak di situ, lari dan yang mengadu itu dapat pula bantuan (reward). Jadi bermakna macam kita di sempadan itu membeli dadah menerima reward sahaja, orang tidak pernah dapat ditangkap dan perkara ini saya akan bawa kepada pihak Polis dan Kastam yang menjaga di sempadan mesti seberapa yang boleh, bukan sahaja kita berkehendak dapat dadah

tetapi mereka itu hendaklah ditangkap kerana kita baca dalam akhbar boleh dikatakan 80% kebanyakan mereka itu dapat dadah tetapi mereka semua lepas lari. Itu saya bersetuju apa yang dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya akan perbaiki perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyentuh perkara bantuan dalam masaalah "no-fault" insurance claim. Perkara ini telah berbangkit banyak kali dan saya suka menyatakan di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri saya bekerja keras di dalam perkara ini dan sekarang sedang menyiapkan satu laporan yang akan dikemukakan kepada Kerajaan atau Kabinet dan apakala laporan itu dapat dipersetujui barulah kita buat satu gubalan undang-undang dan cara-cara bagaimana hendak melaksanakannya. Pendeknya, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi itu memanglah hasrat Kerajaan dan perkara ini sedikit rumit kerana bantahan-bantahan khasnya daripada peguam dan juga pihak insuran. Ini periok nasi mereka yang besar sekali. Kalau periok nasi dan keraknya besar kita ambil, ada bangkangan yang kuat daripada kedua-dua pihak ini, ada setengahnya masih lagi sedang bertegang membahaskan antara pihak Kerajaan dengan pihak peguam dan juga pihak insuran. Bukan senang sebagaimana Ahli Yang Berhormat cakap iaitu ada vested interest juga kepada pihak yang lain, itu yang rumit. Perkara ini, walau bagaimanapun, saya akan memberitahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang yang bertanggungjawab atas perkara ini, saya serahkan kepadanya supaya mempercepatkan laporan itu supaya lekas dilaksanakan untuk menyenangkan, khasnya yang miskin yang mendapat kemalangan. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kesemuanya benar dan saya mengalami sendiri ada dalam kawasan saya yang ada seorang janda yang mana suaminya telah mati sudah tiga tahun belum dapat apa-apa bantuan, anaknya yang enam bulan itu sudah jadi tiga tahun enam bulan belum dapat lagi keputusan sampai sekarang.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyatakan ada satu cawangan untuk Wilayah Persekutuan, masa ini kita ada tiga pegawai yang ada di Jalan Duta yang menjaga Wilayah Persekutuan dan Selangor khasnya. Walaupun cadangan itu nampaknya amat membina dan sekiranya mustahak kita ada dua cawangan, iaitu satu bagi pihak Selangor yang kita akan tubuhkan, misalnya, di Kelang ataupun di Shah Alam, khasnya di Selangor dan satu bagi Wilayah Persekutuan dan Wilayah Persekutuan itu hendaklah dicampur dengan headquarters dan perkara ini akan saya bawa kemukakan kepada Jabatan yang berkenaan untuk ditimbangkan kehendaknya.

Itulah, Tuan Pengerusi, yang dapat saya jawab dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, seperti saya kata tadi segala pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat amatlah membina dan berkesan dan saya mengambil ingatan dan mengucapkan terima kasih dan cuba akan melaksanakan akan teguran-teguran itu.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$17,899,600 untuk Kepala B. 49, \$1,792,300 untuk Kepala B. 50 dan \$1,485,600 untuk Kepala B. 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang kita beralih kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat iaitu Kepala B. 52 dan Kepala P. 52. Dijemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan untuk makluman.

*Kepala B. 52 (Jadual) —*

*Kepala P. 52 (Anggaran Pembangunan, 1978) —*

5.00 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan sebanyak \$29,818,540.00 (dua puluh sembilan juta,

lapan ratus lapan belas ribu, lima ratus empat puluh ringgit) yang dikehendaki di bawah Kepala B. 52 dan P. 52 Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dijadikan sebahagian daripada Jadual Anggaran Perbelanjaan Tahun 1978. Peruntukan ini terdiri dari \$24,248,500.00 untuk Perbelanjaan Mengurus di bawah Kepala B. 52 dan \$5,570,040.00 untuk Perbelanjaan Pembangunan di bawah Kepala P. 52. Anggaran Belanja Mengurus mengandungi tambahan sebanyak \$5,659,500.00 berbanding dengan peruntukan tahun 1977. Anggaran pembangunan pula menunjukkan kekurangan sebanyak \$1,006,889.00 berbanding dengan peruntukan tahun 1977. Pada keseluruhannya peruntukan Kementerian saya mengandungi tambahan sebanyak \$4,652,611.00. Keterangan lanjut mengenai anggaran-anggaran ini adalah sebagaimana diterangkan di dalam Kertas Perintah Bil. 37 Tahun 1977.

Peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian saya ini ialah bagi mencapai matlamat utama Kementerian seperti berikut:—

- (a) Merumus, merancang dan melaksanakan dasar tenaga buruh yang dapat mencerminkan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini terutama di sektor swasta;
- (b) Memelihara, memajukan dan memperbaiki kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja;
- (c) Memajukan keselamatan pekerjaan dan kesihatan dengan menekankan kepada pengawalan kekotoran dalam kilang-kilang dan tempat-tempat di mana jentera digunakan;
- (d) Memajukan perhubungan yang baik di antara majikan-pekerja dan memelihara perkembangan perhubungan perusahaan yang baik dan kesatuan sekerja yang bertanggungjawab;
- (e) Menyediakan data mengenai tenaga manusia yang diperlukan oleh negara dan ciri-ciri permintaan dan penawaran pasar buruh;

- (f) Menyediakan perkhidmatan latihan dalam kemahiran-kemahiran perusahaannya kepada tenaga kerja bagi memenuhi keperluan kemahiran yang asas dan "advanced" dan menyediakan piawaian-piawaian dan persijilan yang biasa; dan
- (g) Menyediakan kemudahan penggunaan sumber-sumber tenaga manusia yang banyak melalui penempatan pekerjaan yang berkesan dan kawalan pekerjaan kepada bukan warganegara.

Di dalam mencapai matlamat-matlamat yang disebut di atas tadi aktiviti-aktiviti utama Kementerian saya ialah di dalam lapangan buruh dan perhubungan perusahaan, keselamatan pekerja, kemajuan daya tenaga rakyat dan keselamatan sosial pekerja.

Di bidang buruh, Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia adalah bertanggungjawab di dalam menguatkuasakan Undang-undang Buruh di sini. Jabatan Perhubungan Perusahaan bertanggungjawab mengujudkan perhubungan perusahaan yang sihat. Jabatan Buruh Sabah dan Sarawak pula bertanggungjawab di dalam kedua-dua aspek tersebut di Sabah dan Sarawak. Pendaftaran Kesatuan Sekerja bertanggungjawab mengawasi pergerakan kesatuan sekerja agar tidak menyeleweng dan ahli-ahlinya terhindar daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak diingini. Mahkamah Perusahaan pula bertanggungjawab mengadil sebarang pertikaian perusahaan yang berlaku apabila rundingan-rundingan dan usaha-usaha perdamaian gagal.

Jabatan Buruh bertanggungjawab menguatkuasakan Undang-undang Buruh iaitu memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja di sektor swasta dengan mengatur program pemeriksaan dan penyiasatan yang meluas di tempat-tempat kerja serta mengurus tuntutan-tuntutan tertentu mengikut Undang-undang Buruh negara.

Sejak dua puluh bulan yang lepas iaitu Januari 1976 hingga Ogos 1977, Jabatan Buruh Semenanjung, telah memerintahkan pembayaran dibuat di bawah berbagai Undang-undang Buruh berjumlah lebih daripada \$10 juta yang terdiri dari tuntutan gaji dan tuntutan pampasan pekerjaan. Ini melibatkan 9,534 kes-kes tuntutan dan 11,485 orang pekerja. Di dalam tempoh yang sama Jabatan Buruh telah meluluskan 5,896 pelan rumah pekerja darinya 5,231 telah siap dan diluluskan untuk kediaman.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya adalah terlibat bersama-sama Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan dan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam pemilikan perumahan pekerja-pekerja bagi pekerja-pekerja lombong dan ladang. Beberapa projek telah mencapai peringkat perancangan terakhir dan pembinaan dijangka akan bermula tidak lama lagi. Setakat ini satu projek yang mengandungi 150 yunit rumah telah siap dan akan didiami tidak lama lagi di Kedah.

Di dalam memastikan pihak pekerja mendapat faedah yang maksima daripada pelaksanaan Undang-undang Buruh, Kementerian saya tetap berhati-hati supaya penguatkuasaan undang-undang ini tidak mengganggu perkembangan penanaman modal di negara kita. Di sini Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sentiasa mengadakan perbincangan dan perundingan tiga pihak (tripartite) atas perkara kepentingan bersama yang melibatkan pihak pekerja, majikan dan Kerajaan.

Jabatan Perhubungan Perusahaan bertanggungjawab mengujudkan suasana perhubungan yang baik di dalam perusahaan. Suasana harmoni akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta meninggikan lagi peluang-peluang pekerjaan. Jabatan ini menggalakkan penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja yang membolehkan rundingan-rundingan bersama di antara pihak-pihak yang terlibat. Di dalam tempoh bulan Januari

hingga bulan Oktober tahun ini Jabatan Perhubungan Perusahaan telah berjaya menyelesaikan 22 daripada 35 tindakan mogok yang berlaku. Di dalam masa yang sama Pegawai-pegawai Jabatan ini telah berjaya menyelesaikan 546 daripada 590 pertikaian yang diadukan kepada Jabatan. Sementara itu sebanyak 1,210 kes-kes rayuan (di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan yang membekalkan satu cara bagaimana seseorang pekerja yang tidak menjadi ahli kesatuan dapat mengemukakan rayuan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan) telah diterima. Daripada 1,210 rayuan ini 751 daripadanya telah dapat diselesaikan samada dengan pembayaran sagu hati atau penggajian semula.

Jabatan ini akan terus menggalakkan kedua-dua pihak majikan dan pekerja mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam tatacara untuk keharmonian perusahaan yang telah ditandatangani oleh pihak wakil-wakil Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dan Pertubuhan Majikan-majikan Malaysia pada 9hb Februari, 1975. Pertimbangan juga telah diberi untuk memperluaskan liputan 'hot-line scheme' yang telah Kementerian lancarkan pada 22hb Mac, 1976 ke kawasan-kawasan yang lain. Pada masa ini sekim ini hanya dihadkan di kawasan Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam sahaja. Sekim ini akan dapat mengendurkan ketegangan di antara kedua-dua pihak dan sedikit-sebanyak dapat mengurangkan gangguan jadual pekerjaan mereka.

Jabatan Pendaftaran Kesatuan Sekerja bertanggungjawab mengawasi pergerakan-pergerakan kesatuan sekerja supaya ianya bergerak dengan cara yang sihat dan demokratik. Pada masa ini terdapat 280 kesatuan sekerja di Semenanjung Malaysia, 26 di Sabah dan 68 di Sarawak yang mempunyai ahli 498,010 di Semenanjung Malaysia, 13,870 di Sabah dan 20,647 di Sarawak menjadikan jumlah keseluruhannya pada peringkat negara 374 buah kesatuan sekerja dengan ahlinya 532,527 orang di seluruh Malaysia.

Mahkamah Perusahaan adalah bertanggungjawab menimbangkan kes-kes yang dirujuk kepada. Di samping itu, Perjanjian-perjanjian Bersama yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak dikehendaki depositedkan di Mahkamah ini untuk pengiktirafan. Bilangan Perjanjian Bersama yang didepositkan di Mahkamah telah bertambah naik daripada 175 di dalam tahun 1975 kepada 213 di dalam tahun 1976 dan bagi tahun ini sehingga bulan September sahaja jumlahnya ialah 237. Oleh kerana bertambahnya beban kerja Mahkamah ini Kementerian saya telah memutuskan untuk menubuhkan satu Mahkamah lagi yang merupakan Mahkamah Perusahaan Kawasan di Pulau Pinang mulai tahun 1978. Dengan adanya Mahkamah Perusahaan di Pulau Pinang kes-kes daripada Utara Semenanjung Malaysia akan dapat didengar di Pulau Pinang. Ini akan mengurangkan kesusahan mereka daripada Utara Semenanjung Malaysia yang terpaksa datang pada masa ini ke Kuala Lumpur dan juga membantu dalam mengurangkan backlog kes-kes di Mahkamah Perusahaan pada masa ini.

Dalam segi keselamatan pekerja (safety of workers) Kementerian saya melalui Jabatan Kilang dan Jentera akan terus menjalankan usaha-usaha melindungi para pekerja dari bahaya-bahaya yang ada di dalam dan di sekeliling tempat bekerja. Masaalah yang dihadapi oleh Kementerian saya di dalam hal ini ialah sikap tidak peduli di kalangan kedua-dua pihak majikan dan pekerja. Statistik menunjukkan hanya 10% dari kemalangan-kemalangan yang berlaku di tempat kerja diakibatkan oleh keadaan mekanikal atau fizikal sedangkan yang 90% lagi disebabkan perbuatan yang tidak selamat umpamanya tidak memakai alat keselamatan yang diberi, tidak menggunakan alat perlindungan yang ada dan sebagainya yang hanya dapat diatasi dengan adanya perasaan tanggungjawab di kalangan kedua-dua pihak majikan dan pekerja. Bagi melahirkan rasa tanggungjawab di kalangan pihak-pihak yang terlibat, Kementerian saya akan mengadakan beberapa seminar untuk menggalakkan para

majikan menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan di kilang-kilang yang mana diharapkan akan dapat melahirkan kesedaran keselamatan di kalangan majikan dan pekerja. Saya juga tidak ketinggalan mengucapkan tahniah kepada Persatuan Keselamatan Perusahaan Malaysia, satu badan sukarela yang dianggotai oleh beberapa kilang dan orang perseorangan yang telah berusaha ke arah mengujudkan keselamatan di kalangan pekerja. Saya berharap lebih banyak lagi kilang-kilang dan orang perseorangan menyertai persatuan ini agar aktiviti mereka dapat diperluaskan lagi.

Di bidang kemajuan daya tenaga rakyat, Kementerian saya melalui Jabatan Tenaga Rakyat akan memberi keutamaan dalam pembangunan tenaga manusia untuk memenuhi keperluan-keperluan tenaga terlatih bagi kedua-dua sektor awam dan swasta. Untuk tujuan ini Kementerian saya pada masa ini mempunyai dua buah Instituti Latihan Perindustrian iaitu di Kuala Lumpur dan Prai yang telah berjaya mengeluarkan seramai 2,540 orang tenaga terlatih sejak Rancangan Malaysia Ketiga dilancarkan. Mereka ini telah dilatih di dalam berbagai-bagai ketukangan perindustrian, kesemuanya meliputi 20 jenis ketukangan. Sesungguhnya kami belum puas hati dengan angka tersebut tetapi Kementerian saya menghadapi masaalah kekurangan tempat dan kemudahan serta pengajar-pengajar yang berkebolehan. Walau bagaimanapun, masaalah-masaalah tersebut akan dapat diatasi apabila tiga buah lagi Instituti Latihan Perindustrian yang baru di dalam Rancangan Malaysia Ketiga siap nanti. Instituti-institusi tersebut ialah di Kuala Trengganu, Johor Bahru dan Sabah. Di dalam masaalah kekurangan tenaga pengajar pula, Kementerian saya dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam telah melancarkan Sekim Latihan Pengajar yang memakan masa dua tahun, mulai bulan Mac tahun ini. Ini diharapkan akan dapat menampung keperluan tenaga pengajar ketiga-tiga instituti yang baru di samping kedua-dua instituti yang ada sekarang.

Kegiatan Jabatan Tenaga Rakyat tidak hanya sekadar mengeluarkan tenaga kerja terlatih sahaja tetapi juga menempatkan mereka dalam pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan latihan yang mereka perolehi. Melalui Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Rakyat akan cuba menempatkan tenaga-tenaga kerja mahir ke jawatan-jawatan yang sesuai dengan latihan, di samping cuba memberi bimbingan kepada pencari-pencari kerja yang tidak terlatih. Perkhidmatan ini akan meneruskan kerja-kerja pendaftaran dan penempatan pencari-pencari kerja termasuk pencari-pencari kerja di dalam lapangan ikhtisas dan eksekutif.

Dalam bidang keselamatan sosial pekerja pula, Perkeso telah melancarkan Sekim Bencana Kerja dan Sekim Pencen Ilat di 31 kawasan di Semenanjung Malaysia yang meliputi 865,976 pekerja di dalam 3,245 perusahaan. Di Sabah dan Sarawak pula ianya telah dilancarkan di dua buah pusat iaitu Kota Kinabalu dan Kuching yang meliputi 31,497 orang pekerja di dalam 1,357 perusahaan. Perkeso merancang untuk memperluaskan sekim ini ke dua lagi kawasan perusahaan di Sabah dan Sarawak, dimulakan di dalam tahun 1976 tetapi telah terpaksa ditangguhkan oleh sebab-sebab pentadbiran. Ia diharap akan dilancarkan di dalam tahun 1978.

Perkeso telah merancang untuk memperluaskan liputan kedua-dua sekim tersebut di atas tadi kepada industri, estet dan lombong-lombong di luar had kawasan asal. Satu rancangan percubaan telah dimulakan di lima kawasan pilihan iaitu Pulau Pinang, Butterworth, Kangar, Ipoh dan Johor Bahru. Rancangan Percubaan ini telah menunjukkan kejayaan dan diharap akan dapat dikeluarkan ke kawasan-kawasan yang lain.

Di dalam perluasan Sekim Keselamatan Sosial ke kawasan-kawasan luar bandar, Perkeso dengan kerjasama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (I.L.O.) telah melantik seorang pakar daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa untuk mengkaji rancangan tersebut.

Pakar tersebut telah hampir menyiapkan laporannya berkenaan dengan rancangan ini. Perkeso juga mendapat perkhidmatan seorang pakar di dalam soal-soal pentadbiran Perkeso dan pakar tersebut telah memperakukan supaya Perkeso menggunakan komputer dan ini telah Kementerian persetujui. Peraturan ini akan dapat memberi kesenangan kepada majikan-majikan kerana ianya membolehkan pembayaran menggunakan cek bagi menggantikan pembayaran menggunakan setem yang banyak mendatangkan masaalah dan rungutan pada masa ini.

Tuan Pengerusi, di sini saya mengulangi mohon mencadangkan bahawa jumlah yang diperuntukkan di bawah Kepala B. 52 dan P. 52 dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual Anggaran Perbelanjaan, 1978.

*5.20 ptg.*

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, di dalam perbahasan ini saya minta izin menarik perhatian Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat kepada B. 52, Butiran 1100, Aktiviti 2 iaitu atas tajuk Buruh dan Perusahaan (Labour and Industrial Relations).

Tuan Pengerusi, di bawah huraian yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu kalau tidak dihalusi dengan sedalam-dalamnya kita akan berpendapat bahawa konsep labour itu adalah buruh dan kalau tidak silap saya buruh-buruh kasar. Tetapi saya berpendapat bahawa Kementerian ini bukan hanya untuk melindungi buruh kasar tetapi siapa juga pekerja-pekerja walaupun pekerja-pekerja yang menjadi senior executive di dalam firma-firma atau kilang-kilang. Di sini saya suka membawa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada tindakan-tindakan penindasan yang dibuat, terutama bank-bank yang mempunyai pusatnya di luar negeri, seperti di Hong Kong dan di England, membuang kerja senior executive bank, bukan kerana salah disebabkan oleh tidak ada kecekapan menjalankan kerja tetapi kerana, misalnya, baru-baru ini

terjadi satu pembuangan kerja di Hong Kong dan Shanghai Bank, yang perkara itu telah disampaikan kepada Kementerian Buruh, tetapi sehingga hari ini belum ada apa-apa keputusan siasatan. Salah orang ini tiada apa-apa, hanya satu surat ditulisnya yang kandungan surat itu tidak disukai oleh General Manager iaitu seorang Inggeris dan kerana itulah dibuangnya kerja. Saya berharaplah Kementerian di bawah Industrial Relations ini dapat mengambil berat bukan sahaja hal buruh-buruh kasar tetapi juga senior executive kalau ada ianya boleh dibuktikan penindasan-penindasan seperti yang saya katakan tadi.

Di samping itu saya suka menyentuh pekerja-pekerja estet dan lombong. Bahagian buruh dan perhubungan perusahaan hendaklah kerap kali atau melebihi lawatannya ke estet-estet atau lombong-lombong. Saya tidak nafikan di sini usaha-usaha yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai yang berkenaan melawat estet dan lombong tetapi setakat dalam tiga bulan sekali itu tidaklah memadai kerana banyak majikan-majikan estet dan lombong mengambil kesempatan membuat perkara-perkara yang tidak menyenangkan pekerja-pekerja. Perumahan misalnya adalah satu kerumitan yang besar. Baharu-baharu ini, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah dapat bersama-sama saya melawat beberapa estet di kawasan saya, iaitu Kuala Selangor di mana beliau sendiri menyaksikan keadaan yang tidak sempurna, rumah-rumah yang telah diberi oleh majikan kepada pekerja-pekerja di estet. Sungguhpun ada dijanjikan oleh majikan untuk membuat rumah sesuai dengan Akta Buruh (Labour Ordinance) tetapi janji-janji ini telah berjalan 5, 6 tahun ada yang 10 tahun ada yang rumah-rumah itu 20 tahun tidak ada ditukar bentuk, bocor dan sebagainya. Jika benar pegawai-pegawai buruh membuat siasat dan membuat lawatan dikerapkan, saya percaya pihak-pihak majikan akan sentiasa berwaspada akan sentiasa mematuhi janjinya.

Selain daripada itu, saya juga suka meminta bahagian ini dapat menasihatkan, secara

paksa memang tidak boleh dibuat, tetapi secara nasihat, sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah buat dan telahpun berjaya supaya tiap-tiap estet dan lombong mengkhaskan sebidang tanah di antara 10 — 15 ekar buat rancangan perumahan. Beberapa estet di kawasan saya telahpun berjalan dan telahpun memperuntukkan kepada pihak-pihak pekerja tetapi kejayaan setakat hari ini jauh daripada memuaskan. Di lombong-lombong misalnya hendaklah juga dirayu majikan-majikan, dengan kerjasama Kerajaan Negeri, supaya tanah-tanah atau kawasan lombong yang telah dilombong dan tidak digunakan lagi dan sesudah leasennya tamat diberikan kawasan itu kepada pekerja-pekerja lombong supaya pekerja-pekerja lombong itu membuat kawasan itu kawasan perumahannya. Maka dengan cara-cara ini saya percaya dapatlah masa hadapan pekerja-pekerja lombong atau estet ini terjamin.

Tuan Pengerusi, saya hanya suka hendak membawa perhatian kepada Butiran 1100 juga tetapi atas Aktiviti 3 iaitu Keselamatan Pekerja. Saya mengalu-alukan apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu janji-janjinya akan mengingatkan usaha-usaha melindungi pekerja-pekerja daripada bahaya. Saya juga mengalu-alukan janji beliau untuk mengadakan seminar daripada satu masa ke satu masa untuk membawa kesedaran kepada majikan dan pekerja-pekerja menggunakan alat-alat keselamatan. Di samping itu saya suka mengingatkan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab atas keselamatan pekerja, keadaan buruk yang ada sekarang di faktori-faktori dan firma-firma. Kilang-kilang misalnya menggunakan jentera-jentera yang berpuluh-puluh ribu ringgit harganya tetapi jentera-jentera ini keadaannya terbuka. Kalaulah seseorang pekerja wanita misalnya dengan memakai sarong atau memakai sari kerana tiada kawalan ataupun tutup yang boleh melindungi kain atau sari termasuk ke dalam jentera itu; sudah terjadi beberapa incident yang menyebabkan kemalangan kepada pekerja-pekerja itu, ada yang putus

jari, ada yang rambutnya termasuk dalam jentera itu terpaksa diselamatkan dan sebagainya. Kalaulah benar pegawai-pegawai yang bertugas menyasat keadaan-keadaan ini dan menyasat dengan teliti, bukan bila datang terus masuk ke Pejabat atau bilik air-condition Pengurus kilang itu, tetapi betul-betul meneliti maka mereka tidak akan terlepas daripada pandangan mereka keadaan-keadaan yang saya katakan tadi.

Begitu juga ada di tempat-tempat kerja misalannya di mana pekerja-pekerja itu terdedah daripada debu-debu, daripada habuk-habuk kalau misalnya dia mengangkat simen di dalam sebuah faktori segala habu simen itu terdedah. Tidak ada satu kuatkuasa daripada pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat memestikan atau mewajibkan majikan melengkapkan satu penutup hidung misalnya satu mask untuk menyelamatkan pekerja ini daripada habuk setiap hari, setiap kali dia bernafas habuk-habuk ini masuk ke hidungnya dan mencederakan kesihatannya. Kalau orang ini bukan pakar pada segi kesihatan akan melihat keadaan-keadaan ini. Jadi perkara kecil inilah patut diambil berat. Begitu juga, Tuan Pengerusi, pekerja-pekerja yang mengangkat barang-barang berat dan sebagainya, di mana-mana di kedai kita boleh beli dengan harga yang begitu murah industrial boot atau boot yang memang khas dibuat untuk menyelamatkan pekerja-pekerja, kalaulah barang-barang berat terhempas pada kakinya boleh menyelamatkan, tetapi tidak juga ada satu kuatkuasa yang mewajibkan majikan-majikan melengkapkan boot yang harganya hanya \$7.00 atau \$8.00 itu kepada pekerja-pekerja. Dan ada juga setiap hari atau setiap masa kita lihat, sudah berzaman-zaman, pekerja-pekerja di estet-estet yang pekerja di kilang-kilang atau faktori getah yang berkaki ayam, bekerja bercampur dengan acid getah. Sungguhpun pekerja-pekerja ini barangkali kakinya sudah tebal, tetapi sesudah dia bekerja, Tuan Pengerusi, 10 — 15 tahun kita saksilah kaki-kaki orang ini, tidak payah lagi membuat satu siasatan, kalau kita pandang sahaja keadaan kita boleh

tahu, orang ini dia mesti bekerja di faktori getah, kerana kakinya telah menjadi sopak, orang India hitam, tetapi kakinya putih kerana lama sangat dia bekerja di faktori getah ini. Jadi, apalah salahnya diwajibkan majikan itu memberi Wellington boot daripada getah kepada pekerja-pekerja ini supaya dapat dia melindunginya daripada penyakit-penyakit ini.

Tuan Pengerusi, Pendekata sungguhpun nanti kelak diadakan seminar, ada usaha-usaha melindungi pekerja-pekerja tetapi hendaklah yang mustahaknya diadakan follow-up iaitu pegawai-pegawai yang menjalankan kuatkuasa sentiasa melawat kilang-kilang dan gudang-gudang ini agar dapat membawa satu kesedaran kepada majikan-majikan bahawa mereka tidak boleh lagi mengecil-ngecilkan keselamatan pekerja-pekerja.

5.35 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berucap atas Anggaran Belanjawan untuk Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang pertama, saya ingin merujuk kepada Aktiviti (2) Buruh dan Perhubungan Perusahaan. Tuan Pengerusi, atas perkara Buruh dan Perhubungan Perusahaan, saya ingin merujuk kepada Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Sungguhpun beberapa pindaan-pindaan telah dibuat kepada Akta itu pada bulan April tahun yang lalu, saya terpaksa menegaskan di sini bahawa Akta yang wujud sekarang adalah kurang memuaskan dan pada pandangan saya Akta ini boleh diperbaiki lagi untuk kepentingan kaum buruh di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, kesatuan-kesatuan sekerja dan pekerja-pekerja Malaysia masih ada keraguan dan mereka tidak puas hati dengan peruntukan-peruntukan yang wujud sekarang dalam Akta itu dan selagi pindaan-pindaan

lanjut yang sesuai tidak dibuat kepada Akta itu kepentingan kaum buruh akan terancam. Di sini saya boleh memberi satu contoh, Tuan Pengerusi, satu pindaan yang diperlukan dengan secepat mungkin ialah berkaitan dengan pengiktirafan atau recognition kesatuan sekerja oleh pihak majikan. Di dalam negara kita ini masih terdapat ramai majikan-majikan yang takut kepada kesatuan-kesatuan sekerja dan mereka ada membuat apa-apa yang boleh untuk mencegah pekerja-pekerja menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja. Sungguhpun pindaan terbaharu dalam Akta Perhubungan Perusahaan menyatakan seorang majikan harus menjawab kepada tuntutan kepada sebuah kesatuan sekerja untuk pengiktirafan dalam masa 21 hari. Peruntukan ini masih tidak memuaskan sungguhpun ianya dapat membantu tuntutan kesatuan sekerja. Apa yang patut dibuat ialah untuk mengadakan pengiktirafan automatik kesatuan sekerja sebaik sahaja Pendaftar Kesatuan Sekerja menentukan bahawa lebih daripada 50% pekerja-pekerja dalam mana satu organisasi atau establishment telah memilih untuk menyertai dalam sebuah kesatuan sekerja. Tuan Pengerusi, atas perkara ini saya ingin menyatakan sekiranya timbul apa-apa juga pertelingkahan atau pertikaian tentang pengiktirafan mengenai kelayakan ahli-ahli dalam satu establishment maka perkara itu patut dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan sebagaimana yang ada dilakukan dalam tahun 1969 dan bukan sebagaimana yang dilakukan sekarang yang mana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhak memutuskan samada perkara itu patut dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan atau tidak.

Berkaitan dengan soal pemberhentian pekerja yang tidak adil, sungguhpun pindaan terbaharu membolehkan Ketua Pengarah menyelesaikan kes-kes pemberhentian kerja seorang pekerja yang tidak menjadi ahli kesatuan sekerja dan jika Ketua Pengarah tersebut gagal mencapai penyelesaian beliau terpaksa memberitahu Menteri yang berkenaan jika Menteri berfikir perkara itu patut

dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan maka beliau boleh merujuk perkara tersebut kepada mahkamah itu. Sungguhpun saya menyokong peruntukan yang bertujuan melindungi pekerja-pekerja yang tidak mempunyai kesatuan-kesatuan sekerja daripada pemberhentian kerja yang dibuat oleh majikan dengan sewenang-wenangnya, saya rasa adalah tidak sesuai untuk Yang Berhormat Menteri berkenaan diberi kuasa budi-bicara untuk merujuk kes tersebut kepada Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan jika perkara itu tidak dapat diselesaikan melalui perundingan. Sepatutnya keadilan menuntut supaya Ketua Pengarah atau Menteri berkenaan wajib merujuk perkara tersebut kepada Mahkamah Perusahaan untuk keputusan jika penyelesaian melalui perundingan gagal atau tidak berjaya.

Atas perkara yang sama, Tuan Pengerusi, saya merasa bahawa satu pindaan yang lain yang harus dibuat kepada Akta tersebut ialah berkaitan dengan peruntukan yang menghalang sesuatu Kesatuan Sekerja dari mengadakan dalam cadangan-cadangannya untuk mencapai satu persetujuan kolektif (collective agreement), perkara-perkara seperti naik pangkat, tukaran tempat kerja, pemberhentian perkhidmatan melalui redundancy, dismissal ataupun reinstatement seorang yang berkenaan. Pada pandangan saya seksyen ini dalam Akta ini merupakan satu halangan kepada pekerja-pekerja di negara kita dan selagi seksyen ini wujud dalam Akta tersebut pekerja-pekerja di negara kita akan menyimpan rasa tidak puas hati terhadap majikan dan Kerajaan. Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan supaya ciri-ciri yang objectionable ini dibatalkan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk sedikit mengenai Aktiviti (7) mengenai Badan-badan Berkanun. Atas perkara ini saya ingin menyentuh perkara Mahkamah Perusahaan. Tuan Pengerusi, Mahkamah Perusahaan merupakan ciri tetap dalam sistem perhubungan perusahaan di negara kita dan ianya wujud untuk memainkan satu

peranan yang penting dalam hal keadilan. Di sini saya ingin menyampaikan rasa penghargaan saya kepada Mahkamah Perusahaan atas kerjanya yang baik akan tetapi satu perkara yang malang yang saya terpaksa menyebutkan di sini ialah Mahkamah Perusahaan kita tidak dapat mengadilkan setiap kes pertikaian perusahaan dengan cepat. Sebab utama ialah kerana kita menghadapi kekurangan Mahkamah Perusahaan dan oleh sebab itu Mahkamah Perusahaan di Kuala Lumpur selalu dibebankan dengan kes-kes pertikaian sepertimana terdapat dalam mahkamah undang-undang biasa.

Tadi dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri beliau ada mengatakan bahawa satu Mahkamah Perusahaan yang lain akan ditubuhkan di Pulau Pinang untuk mengendalikan kes-kes di kawasan utara. Saya sangat mengalu-alukan langkah ini dan saya harap bahawa satu Mahkamah Perusahaan boleh dapat diadakan di kawasan selatan untuk membantu kes-kes yang pada masa sekarang hendaklah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin bercakap lagi bahawa satu lagi ciri yang kurang memuaskan dalam sistem perhubungan perusahaan kita ialah kerap kali kita dapati keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan dicabar atas alasan hujah-hujah perundangan atau on point of law, sungguhpun atas points of facts atau hujah-hujah hakikat, keputusan Mahkamah Perusahaan adalah menjadi satu keputusan yang final, yang muktamad. Perkara ini timbul kerana pihak majikan-majikan yang tidak gembira atau tidak puashati dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi yang mempunyai kuasa penyeliaan (supervisory jurisdiction) atas Mahkamah Perusahaan dan juga mempunyai kuasa campurtangan dalam keputusan mengenai points of law dan bidang kuasa jurisdiction. Ini selalu dibuat melalui cara dalam Bahasa Latin disebut 'certiorari' oleh majikan-

majikan yang mengambil kesempatan yang terdapat dalam undang-undang untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi supaya melambatkan penguatkuasaan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan yang memihak kepada pekerja-pekerja. Ini pada anggapan saya ialah satu, apa yang saya ingin kata dalam Bahasa Inggeris, satu mockery terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan dan juga membuat keputusan yang dibuat itu tidak bererti langsung. Oleh kerana tujuan Mahkamah Perusahaan ialah untuk mengadilkan kes-kes pertikaian perusahaan. Ingin saya mencadangkan di sini supaya kuasa-kuasa yang Mahkamah Tinggi mempunyai dalam perkara ini patut dibatalkan dengan mengadakan pindaan-pindaan yang sesuai terhadap Courts of Judicature Act dan juga kepada Akta Perhubungan Perusahaan. Akhirnya keputusan yang dibuat oleh Mahkamah-mahkamah Perusahaan haruslah jadi satu keputusan yang muktamad, yang final yang tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin bercakap sedikit mengenai Kepala B. 52, Aktiviti (3) mengenai Keselamatan Pekerjaan. Mengenai perkara keselamatan dalam pekerjaan saya suka hendak mencadangkan iaitu sudah sampai masanya bagi Kerajaan, bagi Kementerian Buruh mewajibkan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan ditubuhkan di semua kilang-kilang perusahaan di seluruh negeri untuk menolong mengurangkan kemalangan dalam pekerjaan di dalam semua organisasi itu. Lebih-lebih lagi patut diwajibkan agar semua kilang-kilang perusahaan menyampaikan penyata-penyata data tentang keselamatan mereka atau apakah langkah yang telah diambil oleh mereka untuk menjamin keselamatan di dalam setiap perusahaan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Laporan kemalangan di kilang-kilang perusahaan dalam tahun 1974 berjumlah

1,058 di mana 12 kes daripada mereka membawa maut. Sehingga penghujung bulan Ogos, 1975 daripada 550 kemalangan dan 4 maut. Tuan Pengerusi, Kerajaan sepatutnya di samping daripada mengambil langkah-langkah menguatkuasakan rancangan keselamatan di semua perusahaan mesti juga membuat undang-undang untuk mewajibkan diadakan badan-badan keselamatan ditubuhkan di tiap-tiap kilang-kilang perusahaan. Adalah tidak mencukupi sekarang ini bagi firma-firma atau kilang-kilang memberikan janji-janji yang manis tetapi janji-janji ini tidak dilaksanakan. Sepatutnya mereka sudah lama sedar akan pentingnya masalah keselamatan ini dan dasar keselamatan kilang dan juga pembentukan Jawatankuasa Keselamatan selain daripada melindungi pekerja-pekerja juga boleh dapat menolong menjimatkan belanja pengeluaran dan memperbaiki kawalan mutu pengeluaran mereka.

Mengenai masalah keselamatan pekerja, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan kerapkalinya berlaku kematian dan kecederaan yang serius di kalangan pekerja-pekerja pembinaan di bangunan-bangunan yang mencakar langit di bandaraya Kuala Lumpur disebabkan ketiadaan alat-alat keselamatan atau kekurangan langkah-langkah untuk menjamin keselamatan yang disediakan oleh pihak industri ataupun majikan pembinaan.

Pada tahun yang lalu dua orang pekerja pembinaan mati dan seorang lagi cedera parah akibat runtuhannya scaffolding di tapak pembinaan di Jalan Pahang, Kuala Lumpur dan juga baru-baru ini seorang pekerja pembinaan terbunuh akibat terjatuh dari satu bangunan 17 tingkat di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Saya rasa masanya telah tiba bagi Kerajaan mengambil satu pandangan yang serius, mengadakan satu pandangan yang berat atas perkara ini dan mengambil langkah-langkah untuk menentu dan menjamin bahawa industri-industri pembinaan mestilah mematuhi Peraturan Kilang dan Jentera (Keselamatan, Kesihatan dan Ke-

bajikan) 1970 yang memerlukan majikan-majikan kepada pekerja-pekerja pembinaan menyediakan alat-alat keselamatan untuk pekerja-pekerja mereka. Itu adalah sangat penting dan kita tidak boleh dengar janji-janji sahaja. Apa yang kita mahu ialah janji itu dapat dilaksanakan dengan jujurnya.

Tuan Pengerusi, sungguhpun undang-undang seperti itu ujud seperti yang saya katakan tadi, sehingga hari ini saya merasa amat kesal bahawa undang-undang ini tidak dipatuhi oleh perusahaan pembinaan. Saya menyeru Kerajaan sementara bangunan-bangunan pencakar langit sedang dibina di Kuala Lumpur untuk mengambil tindakan supaya mewajibkan perindustrian pembinaan menyediakan alat-alat keselamatan itu.

Akhirnya, saya ingin merujuk kepada Aktiviti (5) — Pentadbiran Keselamatan Sosial.

Berhubung dengan perkara ini saya ingin menggesa Kementerian yang berkenaan untuk memberi pertimbangan bagi meminda beberapa peruntukan dalam Akta Keselamatan Sosial 1969 yang merupakan tidak adil kepada kaum buruh atau pihak pekerja. Akta Keselamatan Sosial pada asalnya bertujuan membayar wang pampasan kepada seorang pekerja yang cedera di dalam tempoh pekerjaannya tanpa membuktikan kecuaiannya oleh pihak majikan. Dengan berbuat demikian dalam kesediaan mereka untuk menolong kaum buruh adalah mungkin bahawa pencipta akta ini telah menafikan hak pekerja untuk mengambil tindakan mahkamah biasa atas kerugian yang timbul daripada kecuaiannya oleh pihak majikan di bawah undang-undang biasa (common law). Dari itu Akta ini mestilah memperuntukkan satu pilihan (alternative) yang lain iaitu seseorang pekerja boleh berusaha mendapatkan gantirugi atau wang pampasan di bawah Akta itu tanpa membuktikan kecuaiannya ataupun dia boleh pergi ke mahkamah biasa untuk mendapatkan wang kerugian di bawah undang-undang biasa dengan cara sekiranya orang itu ada bukti

yang boleh membuktikan kecuaiannya pihak majikan.

5.55 ptg.

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Saya ingin menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (2) — Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Di dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak Kementerianya adakah beliau sedar pada masa ini sebuah Syarikat Perusahaan yang bernama Perak United Sdn. Bhd. Lot No. 5835 Kemunting Industrial Estate telah ditutup mulai 7hb Disember yang lalu. Penutupan kilang ini mulai daripada tarikh tersebut dengan pembuangan kerja seramai 314 orang daripada seramai pekerja 560 orang. Pada masa ini pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja pada 7hb Disember itu yang tiap-tiap seorang mendapat dua pucuk surat daripada pihak syarikat itu mengatakan mereka telah diberhentikan daripada bekerja dengan syarikat ini dan seramai 314 orang ini duduk beramai-ramai di hadapan kilang ini dari sejak 7hb Disember hingga hari ini. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, saya percaya tentulah pihak Kementerian ini ada bersama-sama bagi menyelesaikan masalah pembuangan begitu ramai pekerja-pekerja oleh pihak syarikat ini. Jika ini sudah dijalankan, saya mengambil peluang di sini mengucapkan banyak-banyak terima kasih dan saya harap masalah yang seperti ini dapat diselesaikan dalam tempoh yang sepatutnya dan pengambilan 314 orang pekerja yang 80% daripadanya adalah orang-orang Melayu dapat diambil semula oleh syarikat ini dan dapat bekerja seperti sediakala.

Saya dimaklumkan pada 17hb Disember ini satu mesyuarat akan diadakan di antara majikan dan Kesatuan Sekerja dengan dibantu oleh pihak Kerajaan. Dan saya harap

mudah-mudahan perundingan seperti ini dapat diselesaikan.

Hal ini terjadi, disebabkan syarikat yang berkenaan telah menjalankan satu cara penyusunan kerja kepada pekerja-pekerjanya yang mereka tidak puas hati tentang masa bekerja yang lebih 45 minit daripada sepatutnya. Pekerja-pekerja ini biasanya bekerja lapan jam sehari tetapi pada akhir-akhir ini masa mereka bekerja telah dipinda daripada lapan jam kepada lapan jam empat puluh lima minit tiap-tiap hari. Dan daripada akibat-akibat seperti inilah maka satu perselisihan faham telah terjadi oleh kerana 45 minit ini lebih dari yang sepatutnya diperuntukkan kepada pekerja-pekerja yang ada di situ menyebabkan timbul salah faham di antara majikan dengan pekerja-pekerja. Tetapi saya percaya jika sekiranya hal yang seperti ini boleh diatasi, tetapi malangnya satu tindakan telah diambil begitu cepat oleh pihak syarikat ini menyebabkan 314 orang yang berkenaan telahpun dibuang dan syarikat ini telah ditutup pada masa ini buat sementara waktu, dan dipercayai akan dibuka semula apabila sampai waktunya. Pada masa ini sungguhpun kilang ini telah ditutup tetapi masih ada sebahagian kecil pekerja-pekerja mengelola kerja-kerja di kilang tersebut. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, keadaan ini berlaku selain daripada apa yang saya telah maklumkan tadi dan saya percaya kemungkinan dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan.

Saya suka juga memaklumkan dalam Dewan ini gaji-gaji yang telah disusun oleh syarikat ini yang biasa disebut di dalam Dewan ini beberapa kali keadaan kenaikan gaji minima dan sebagainya yang banyak diperkatakan tidak puas hati dengan penyusunan yang telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan. Kerana saya kata dipersetujui oleh pihak Kerajaan sebabnya kuasa-kuasa meluluskan di atas tanggagaji dan sebagainya biasa disebut akan dipersetujui dengan nasihat-nasihat daripada pegawai daripada Kementerian. Sebagai contoh kepada syarikat

yang saya katakan tadi tanggagaji yang telah disusun iaitu ada empat group, group satu, group dua, group tiga dan group empat. Group satu ini dibahagikan kepada lelaki dan perempuan, seorang pekerja lelaki apabila ia mula bekerja di kilang ini dibayar sebanyak \$2.20 sehari dan seorang pekerja wanita dibayar sebanyak \$2.00 sahaja. Pekerja lelaki daripada \$2.20 di dalam percubaan, apabila ia telah menjadi pekerja tetap di dalam syarikat ini ia akan dinaikkan kepada \$3.00 dan daripada \$3.00 akan dinaikkan gaji tahunan sebanyak 25 sen setahun selama lima tahun. Dan akhirnya tanggagaji akan menjadi mati gaji pada group satu iaitu \$4.25. Pekerja wanita pula daripada \$2.00 dalam percubaan, apabila ia telah ditetapkan menjadi pekerja tetap di situ dinaikkan kepada \$2.50 ....

**Tuan Pengerusi:** Berapa lama dalam percubaan?

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Di sini tidak disebut berapa lama, kadang-kadang selama sebulan, kadang-kadang enam bulan, tidak tentu mengikut kebolehan, daripada \$2.50 dinaikkan kepada 25 sen setahun selama lima tahun menjadi \$3.75.

Group yang kedua pula kerja yang lebih baik sedikit gaji pekerja lelaki \$4.00, kenaikan 25 sen setahun selama lima tahun dan gajinya akan mati kepada \$5.25. Bagi pekerja wanita \$3.25 setahun selama lima tahun dan mati kepada \$4.25. Saya ingat setakat group dua sudahlah saya menyebutkan di sini, jadi daripada angka 25 sen setahun ini pada pandangan saya terlalu kecil dan saya harap jika dipersetujui supaya kajian dibuat tentang kenaikan seperti ini supaya dapat diselaraskan dengan kerja-kerja lain yang munasabah di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, saya telah melawat ke kilang yang berkenaan baru-baru ini dan saya berjumpa dengan pekerja-pekerja yang terlibat di dalam perkumpulan yang telah diadakan di hadapan kilang itu. Saya berpuas hati dengan mereka kerana mereka duduk

dengan keadaan aman, baik, teratur dan mereka sedang menunggu pada masa ini kalau-kalau pihak majikan akan mengambil semula mereka dengan nasihat-nasihat yang dibuat oleh pihak Kementerian. Di dalam hal ini saya telah nampak kantin di kilang ini, saya telah dapat berbual dengan beberapa orang pekerja yang berkenaan. Kantin yang ada untuk menampung seramai 560 orang dalam kilang yang berkenaan, saya dapati kecil dan tidak mencukupi bagi menampung keseluruhan pekerja. Dan apa yang paling sedih, saya tidak tahu bagaimana kantin di syarikat-syarikat yang lain, kantin di kilang ini saya diberitahu makanan Islam dengan bukan Islam ada di tempat yang sama dan makanan bukan Islam ini saya tidak payah menyebutkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum, kerana perkara makanan ini akan menimbulkan perasaan orang Islam tidak dapat makan dengan sempurna dan baik, sepertimana orang-orang bukan Islam. Oleh itu, jika kantin seperti ini kemungkinan ada di kilang-kilang lain di seluruh negara, jadi oleh sebab itu saya suka mengesyorkan eloklah pengawasan dibuat kepada penjualan makanan di kantin yang ada perbezaan di antara makanan Islam dan bukan Islam atau ada perasingan supaya perasaan orang-orang Islam ini dapat dikawal dan mereka dapat bersama-sama makan di tempat yang saya katakan.

Tuan Pengerusi, saya juga biasa diberitahu ada terdapat kilang-kilang di dalam negara kita ini sudah tidak dapat mengikut sepertimana ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, iaitu supaya ada perpaduan kaum, penyatuan perkauman di dalam menjalankan tugas-tugas atau kerja di sesebuah kilang ini. Saya mendapat tahu ada kilang yang mengutamakan pekerja wanita bukan Melayu pada sebelah siang sahaja, tetapi pekerja-pekerja wanita Melayu terpaksa mereka ini bekerja pada sebelah siang dan mesti bekerja pada sebelah malam. Pada pandangan saya jika pekerja-pekerja wanita daripada Melayu,

ataupun bukan Melayu mereka ini mempunyai kecekapan yang sama, kebolehan yang sama, cara pemikiran yang sama hanya di dalam takrif kebangsaan atau bangsa yang berlainan, itu sahaja. Jadi oleh sebab itu sekiranya ada terdapat kilang-kilang diperuntukkan pekerja wanita Melayu sahaja pada sebelah siangnya dan pekerja-pekerja bukan Melayu pula dimestikan bekerja sebelah malam sudah semestinya dikatakan tidak adil, tidak munasabah, tidak logik dan tidak patut. Jadi kalau perkara-perkara yang seperti ini terjadi ini menggambarkan apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada tujuan perlaksanaan pentadbiran Kementerian ini saya percaya tentulah tidak dapat dicapai kepada semuanya.

Selain daripada itu, saya berharap masalah pekerja-pekerja, masalah pembangunan kerja dan sebagainya jika dapat diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dan begitu juga pihak pengiktirafan kesatuan bagi pekerja-pekerja di satu-satu tempat, ada terdapat di setengah-setengah tempat pengiktirafan kesatuan pekerja-pekerja yang halal ini telah mengambil masa yang lama dan tidak puashati pula oleh pihak majikan dan ada setengah majikan tidak sanggup supaya pekerja-pekerjanya menyatukan tenaga di dalam sesebuah kesatuan. Syarikat yang saya sebutkan tadi ia telah mempunyai kesatuan sendiri yang bergabung dan penubuhan baru sahaja diluluskan oleh pihak yang berkenaan tetapi sehingga setakat ini saya diberitahu ada dua lagi syarikat yang telah pekerja-pekerjanya memohon pengiktirafan kesatuan sehingga setakat ini tidak lagi dipersetujui oleh pihak yang berkenaan dan saya harap supaya pihak Kerajaan bersama-sama dengan Majlis Penasihat Majikan dapat mengiktirafkan kesatuan ini, iaitu,

- (i) Echo Industry di Johor Bahru; dan
- (ii) Rimba Muda di Kuala Pilah.

Saya percaya dengan adanya kesatuan-kesatuan sekerja yang memainkan peranan dapat bersama-sama membantu majikan bagi

penyusunan kerja-kerja di tempat masing-masing. Saya percaya cita-cita Kerajaan akan dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

6.13 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, di sini saya akan menegur tiga perkara.

Pertama mengenai Aktiviti (2) Buruh dan Perhubungan Perusahaan. Ada didapati di antara perusahaan-perusahaan yang saya fikir haruslah tidak menghalusi yang membawa buruh-buruh itu sendiri tidak puashati di antara satu dengan lain kerana kedapatan ada di antara buruh-buruh yang mahir tetapi gajinya lebih murah daripada buruh-buruh yang tidak mahir. Ini membawakan satu perasaan tidak puashati buruh di antara satu dengan lain.

Yang kedua, dalam Aktiviti yang sama saya sukalah menegur buruh-buruh ini yakni membawa kepada pendapatan ataupun sukanya pedagang-pedagang luar kepada negara kita. Saya dengar baru-baru itu ketidak-lancaran yang baik kepada buruh-buruh sendiri yang mana berbangkit ataupun berlaku di Pelabuhan Kelang dengan ditegur oleh Persatuan Perkapalan Antarabangsa sebab barang-barang yang dihantar kepada kapal-kapal itu tidak dipungah dengan sempurna. Saya berharap perkara ini juga patut diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan kerana ini mengakibatkan pedagang-pedagang luar atau yang akan melaburkan barang-barang atau menghantar barang-barangnya ke sini membawa satu kepayahan dan ini boleh jadi juga membawa tidak sukanya pelabur ataupun pedagang-pedagang luar untuk menghantarkan barang-barang ke negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap dari segi buruh, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat walaupun mereka ini sentiasa

mengambil berat tetapi kadang-kadang patutlah diberi perhatian kepada perusahaan-perusahaan kecil seperti kantin dan sebagainya. Kadang-kadang saya berasa dukacita Pejabat Buruh perkara yang kecil diambil berat sangat, kadang-kadang perkara yang besar itu tidak diambil berat. Misalnya, satu orang yang membuka kantin dengan dua orang pekerjaanya dan mereka ini pula bukan bergaji tetap dan bukan ditetapkan bekerja di situ bahkan buat sementara itu sebagai percubaan iaitu yang ditanya sangat tetapi perkara-perkara besar kadang-kadang tidak diambil perhatian.

Saya berharap dari segi pentadbiran buruh ini, Tuan Pengerusi, tentang pendaftaran buruh. Kedapatan ada orang-orang yang mendaftar sekian lama tiap-tiap enam bulan sekali memperbaharui pendaftaran tidak dapat pekerjaan tetapi kadangkala ada orang yang baru mendaftar tetapi orang ini dapat pekerjaan dahulu. Dari segi keadilan ini juga saya berharap kepada Kementerian berkenaan patutlah diambil perhatian yang saksama supaya tidak dituduh oleh orang-orang yang tidak bekerja yang mendaftar ini yang mana Kerajaan tidak adil, mereka tidak tuduh Pejabat Buruh, mereka tuduh Kerajaan hari ini tidak adil, khasnya dituduh pemerintah yang ada.

**Tuan Pengerusi:** Boleh beri contoh Yang Berhormat supaya senang pihak Kementerian menyasatnya.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Itu saya bercakap dengan Menteri yang berkenaan di luar Dewan. Ada contohnya.

Saya bercakap pula kepada Aktiviti (3) Keselamatan Pekerjaan. Tiap-tiap perusahaan ini hendak mendapat keuntungan besar tentu-lah dengan ada kerjasama daripada buruh-buruh. Dari segi keselamatan hendaklah diambil berat, iaitu dari segi kesihatan. Sungguhpun ada setengah daripada industri, perusahaan-perusahaan yang mengadakan untuk menjaga kesihatan tetapi sebagai satu

industri yang besar pekerja-pekerjanya beribu-ribu yang pendapatannya setahun berjuta-juta ringgit sedangkan enjinirnya banyak untuk mendapat keuntungan yang besar tetapi saya amat dukacita tentang untuk menjaga kesihatan semata-mata diadakan seorang Pembantu Hospital. Saya fikir patut sangat diadakan seorang doktor khas yang mana pekerja-pekerja ini selalu sakit, jangan semata-mata sekadar Pembantu Hospital. Ini saya harap sangat. Begitu juga jikalau pekerja-pekerja ini mendapat kemalangan. Sesudah mereka ini mendapat insuran dan sebagainya bantuan tidak diberi kerjasama yang erat supaya pekerja-pekerja ini dapat insuran dan sebagainya dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, saya berharap dari segi keselamatan pekerjaan kita tahu hari ini banyak juga boleh dikatakan baik di industri kita biasa dengar yang mana buruh-buruh ini kadang-kadang mendapat kemalangan pada masa pergi bekerja, dengan kemalangan mogok dan sebagainya walaupun di sana boleh dikatakan ada kenaikan tetapi di setengah tempat saya percaya tidak ada patutlah juga perusahaan ini menyediakan sebagai keselamatan kenaikan pergi dan balik apatah lagi kepada buruh-buruh perempuan. Jadi patut sangatlah perkara ini diambil perhatian oleh industri ataupun perusahaan-perusahaan dan juga asrama-asrama tempat duduk kepada pekerja-pekerja ini patut sangatlah diadakan kerana ini mengakibatkan banyak, kalau tidak ada tempat asrama, dengan kawalan yang cukup mengakibatkan kepada setengah-setengah perusahaan terutama bagi orang-orang yang termasuk dengan karan dan sebagainya.

Izinkanlah saya ceritakan di sini dengan tuduh kadang-kadang kalau pekerja letronik dan sebagainya buruh-buruh ini digelar orang sebagai "Minah Karan". Makna "Minah Karan" itu bukanlah kerana karan itu melekat, seolah-olah bila dicekeh (diusik) sikit sahaja di tengah jalan itu macam ada karan kerana keselamatan ini juga patut

dijaga. Bukan setakat keselamatan kesihatan, keselamatan tentang pergi dan balik, keselamatan untuk menjamin masa depan pekerja-pekerja ini patutlah juga dikawal dan kalau boleh selain daripada kawalan diberikan juga bimbingan kepada mereka ini dengan dakwah dan sebagainya. Saya tidak sedap dengar yang mana setengah tohmah atau mendapat tuduhan pekerja-pekerja atau buruh-buruh khasnya orang-orang perempuan kadang-kadang boleh dibuat sewenang-wenang tetapi apakan daya setengah penduduk-penduduk kampung di luar bandar asalkan kita hendak bekerja terpaksa mereka ini membiarkan ataupun membenarkan anak-anak mereka ini bekerja juga di firma-firma yang saya sebutkan tadi. Dengan sebab itu saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian sebagaimana saya sebutkan.

Aktiviti (4) Kemajuan Daya Tenaga Rakyat. Saya berharap biarlah ada perancangan iaitu tiap-tiap Kementerian yang berkenaan membuat had kepada satu term ataupun satu keadaan masa 15 ataupun 20 tahun supaya pekerja-pekerja buruh ini dapat menseimbangkan di antara pekerja-pekerja bumiputra dengan yang bukan bumiputra kerana hari ini kita dapati kebanyakan pekerja-pekerja ini kalaulah pekerja yang kurang mahir, lebih tepatnya saya kata yang bergaji murah itu ialah buruh bumiputra — lebih tepatnya ialah Melayu. Kalau ada buruh juga tetapi yang bergaji mahal bukan buruh Melayu, buat satu perangkaan sampai tahun manakah yang dapat diseimbangkan walaupun tidak dapat hendak ditinggikan Melayu tetapi dapat diseimbangkan. Jangan orang Melayu kita itu ataupun lebih tepatnya — saya bukan bercakap perkauman di sini, tetapi dengan itu saya dapati di mana ada perusahaan, di mana ada kilang kebanyakan nasib buruh bumiputra ini buruh juga macam bukan bumiputra tetapi buruh yang bergaji cukup rendah. Dengan sebab itulah saya masuk dalam Aktiviti (4) ini kalaulah ada latihan-latihan perindustrian berilah keutamaan kepada buruh-buruh bumiputra yang berpendapatan

rendah seperti yang saya katakan tadi dapat diseimbangkan agak satu masa yang dibuat daripada masa yang ditentukan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam segi keselamatan juga iaitu tentang anak-anak pekerja buruh patutlah juga Kementerian ataupun industri perusahaan ini membuat satu jangka sebagai satu khidmat yang mereka ini dapat untung banyak dengan bekerja sebagai buruh kepada anak-anak buruh ini patutlah mereka mengambil perhatian. Sepatutnya ada scholarship dan sebagainya diberi kepada anak-anak buruh yang cerdek ini, bukan sahaja tugas lain, tetapi pihak perusahaan ini juga patut menengok kepada anak-anak buruh yang cerdek dapat dihantar pergi ke negeri mana ataupun di sekolah-sekolah mana ataupun di mana-mana kolej diberi satu bantuan istimewa yang mana bapa mereka ini berkhidmat dalam industri yang membawa salah satu sebab dapat keuntungan patutlah kenang balik kepada buruh-buruh ini.

**Tuan Farn Seong Than (Sungei Besi):** Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan 1978, bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat di peringkat Jawatankuasa di bawah Kepala B. 52, Pecahan Kepala 1100 mengenai Aktiviti No. 2 iaitu Perhubungan Perburuhan dan Industri.

Tuan Pengerusi, pada 30.11.77 semasa soal-jawab, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dalam jawapannya kepada soalan daripada Yang Berhormat dari Sungei Petani menyatakan bahawa adalah sukar untuk mengadakan gaji yang minima kepada pekerja-pekerja kita kerana ini adalah tidak begitu menggalakkan kepada pelaburan tempatan dan luar negeri. Memandangkan keadaan di mana keutamaan pelaburan adalah lebih penting daripada masalah kekurangan gaji, nampaknya seperti pekerja-pekerja kita akan sentiasa menghadapi kesulitan dan menjadi mangsa eksploitasi mereka yang kaya.

Walaupun Menteri yang berkenaan telah memberi jaminan bahawa pegawai-pegawai dari Kementeriannya akan dari masa ke masa melawat majikan-majikan untuk mendesak atau memujuk mereka supaya membayar gaji yang berpatutan. Sementara saya hargai amalan Kementeriannya menghantar pegawai-pegawainya untuk memujuk majikan-majikan untuk membayar lebih kiranya mereka mampu, tetapi adalah sukar bagi pegawai ini untuk mengetahui samada majikan mampu membayar lebih atau tidak kerana adalah tidak mungkin bagi peniaga-peniaga untuk mengakui samada mereka mendapat untung yang banyak dari perniagaannya.

Oleh yang demikian, dengan tiadanya undang-undang yang memerlukan majikan membayar gaji yang menasabah dan adil atau gaji yang minima, nasib pekerja-pekerja adalah bergantung kepada kehendak hati majikan sahaja, yang biasanya lebih mementingkan keuntungan daripada kepentingan sosial dan kebajikan pekerja mereka. Saya harap Kerajaan tidak akan menangguhkan lagi mengemukakan undang-undang mengenai gaji minima kepada pekerja-pekerja kita supaya eksploitasi seperti membayar gaji sebanyak \$80.00 sebulan kepada pekerja tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak membuat beberapa perhatian mengenai Keselamatan Pekerjaan di bawah Aktiviti No. 3.

Saya dapati tiada penguatkuasaan yang wajar oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mengenai langkah-langkah keselamatan yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor yang membuat bangunan-bangunan yang tinggi terutama sekali di Kuala Lumpur di mana terdapat banyak bangunan yang tinggi sedang dibina.

Pekerja-pekerja di bangunan yang tinggi seperti ini tidak dibekal dengan topi atau helmet dan tali keselamatan atau safety belts

yang diikatkan kepada tempat yang kuat untuk menjaga kiranya mereka tergelincir.

Dalam masa beberapa bulan yang lalu, kita pernah membaca dalam akhbar tempatan mengenai kemalangan di mana pekerja-pekerja bangunan terjatuh dan mati dari bangunan yang tinggi semasa membuat pekerjaan. Cuma dua hari yang lalu, seorang pekerja telah mati akibat terjatuh di atas batang besi dan mati apabila dia jatuh dari bangunan sebuah hotel tiga belas tingkat di Petaling Jaya. Pekerja yang berkenaan sedang mengubah beberapa alat binaan dari tingkat 12 ke tingkat 13 bangunan itu di mana dia tergelincir dan jatuh di atas besi yang separuh tertanam iaitu pilingnya.

Kalaulah mangsa ini dibekali dengan tali keselamatan yang terikat kepada sesuatu yang kuat, walaupun dia tergelincir tentu dia tidak akan jatuh terus ke bawah dan mati, sekurang-kurangnya dia dapat diselamatkan kiranya langkah keselamatan telah diambil oleh majikannya.

Walaupun jaminan seperti ini telah diberi oleh Pegawai-pegawai Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mengenai langkah keselamatan yang ketat untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja di bangunan-bangunan tinggi, tetapi tiada langkah yang tegas yang diambil oleh Kementerian untuk menentukan langkah keselamatan seperti itu sedang diamalkan.

Sudah sampai masanya, bagi Pegawai-pegawai Kementerian yang berkenaan mengambil sesuatu langkah dan keluar dari bilik berhawa dingin dan pergi melihat ke tempat-tempat binaan atau kilang-kilang untuk menentukan bahawa kemudahan keselamatan dan langkah keselamatan kepada pekerja-pekerja adalah mencukupi untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja dan bukan dengan hanya memberi jaminan kepada orang ramai bahawa langkah yang lebih ketat atau lebih banyak penyiasatan mengejut di tempat-tempat binaan atau kilang

akan dijalankan oleh Pegawai Kementerian yang hanya dibuat selepas kemalangan yang serius telah berlaku.

Tuan Pengerusi, sebagai satu langkah jangka panjang untuk menjaga kepentingan pekerja, saya suka hendak mendesak Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menubuhkan satu Biro Pengaduan Perburuhan yang berkuasa penuh di bawah Kementeriannya.

Biro yang dicadangkan itu hendaklah bertindak sebagai pemerhati untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja tidak menjadi mangsa eksploitasi oleh majikan-majikan mereka dalam bayaran gaji yang murah atau keadaan pekerjaan yang tidak memuaskan. Ia hendaklah menjadi satu badan yang akan bertindak segera dan tidak teragak-agak apabila menerima sebarang pengaduan.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan sambutan yang tidak memuaskan oleh Pegawai-pegawai Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat boleh juga dirujuk kepada Biro ini untuk perhatiannya. Dengan cara ini, tuntutan pampasan pekerja atau SOCSO yang timbul akibat kemalangan atau pembuangan yang tidak adil boleh diselesaikan tanpa kelewatan lagi.

Akhir sekali, saya berharap Menteri yang berkenaan akan menimbang cadangan atau perkara-perkara yang saya bangkitkan supaya dilaksanakan oleh Kementeriannya.

6.32 ptg.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus):** Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ini saya suka menyebutkan satu perkara sahaja mengenai B. 52, Butiran 1100, Aktiviti 2, Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya ingin menyampaikan perasaan dukacita yang

amat sangat kepada tindakan ataupun cara Kementerian ini menyelesaikan satu-satu perselisihan, satu-satu krisis di antara pihak majikan dan pekerja-pekerja. Saya nampak seolah-olah Kementerian ini tidak dapat hendak membezakan di antara krisis-krisis yang berkaitan dengan orang ramai dengan krisis-krisis mengenai di antara pekerja dengan majikan itu sahaja. Saya maksudkan sebagaimana perselisihan yang berlaku di antara Trengganu Bus Company dengan pekerja-pekerjanya. Saya tidak fikir bahawa Kementerian ini tidak sedar ataupun tidak tahu bahawa Trengganu Bus Company itu memonopoli Perkhidmatan Kenderaan Awam di Trengganu itu bagi satu jalanraya yang tertentu. Saya yakin dan percaya Kementerian ini tahu bahawa Trengganu Bus Company memonopoli di kawasan tertentu. Sekiranya bas itu tidak berjalan maka tentulah penduduk di kawasan itu tidak dapat berhubung di antara satu tempat ke satu tempat melainkan dengan teksi yang terbatas bilangannya. Perkara ini berlaku berlarutan, berbulan-bulan daripada bekerja mengikut peraturan kepada permogokan. Saya diberitahu perkara ini memang sudah bertahun-tahun, sudah sampai ke peringkat tinggi dan sudah diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan, tetapi pihak kompani bas dapat mempermain-mainkan, melambat-lambatkan penyelesaian itu sehingga sampai ke peringkat mogok yang tidak dapat langsung berjalan bas itu walaupun sebelum daripada waktu kerja mengikut peraturan itu hanya bas ini berjalan daripada stesyen ke stesyen dan tidak berhenti mengambil penumpang di tengah jalan dan menyusahkan budak-budak sekolah hendak pergi dan balik petang dan sebagainya. Perkara ini pernah ditimbulkan. Jadi, Tuan Pengerusi, perkara-perkara seperti ini saya mengharapkan di bawah kuasa yang ada di Kementerian ini tidak akan berlaku lagi. Saya tidak akan berdukacita kalau perkara ini berlaku seperti di Kuala Lumpur, seumpama, Syarikat Bas Sri Jaya mogok sebab di Kuala Lumpur ini bermacam-macam kenderaan awam boleh dinaiki, ada mini bas, teksi banyak dan sebagainya, tetapi kalau di Trengganu satu

bas kompi sahaja berhenti, maka terhenti-lah semua sekali dan tak dapat berjalan. Jadi perkara kepentingan awam seperti ini lambat diselesaikan dan dipermainkan oleh bas kompi ini dan saya nampak Kementerian ini terlampau lambat dan terlampau sejuk untuk bertindak dengan cepat. Jadi ini satu perkara yang amat mendukacitakan dan saya berharap perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi dalam negeri ini beberapa kali. Kalau berlaku lagi saya rasa tidak ada erti Kementerian ini bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian di antara pekerja dan majikan sedangkan perkara ini tertakluk di bawah Kementerian ini, mengikut faham saya. Jadi, itulah yang saya ingin sampaikan pada hari ini dan saya merayu sungguh-sungguh kepada Kementerian ini supaya mengambil tanggungjawab yang sepenuhnya, lebih-lebih lagi baru-baru ini kita telah meluluskan satu Undang-undang Tribunal yang boleh dipergunakan untuk menyelesaikan masalah kepentingan orang ramai. Kalau setakat di antara kepentingan pekerja dengan majikan saya rasa tidak begitu merisaukan, tetapi kalau pertikaian majikan dan pekerja melibatkan kepentingan orang ramai, melibatkan budak-budak sekolah, melibatkan peniaga-peniaga kecil, saya rasa ini adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya kepada Kerajaan, khususnya Kementerian ini. Itulah sahaja rayuan dan perasaan saya yang saya dapat sampaikan pada hari ini.

6.38 ptg.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya, terutama Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai keselamatan dalam perusahaan, khususnya dalam bidang pembinaan.

Saya dapat memberi jaminan kepada semua Ahli Yang Berhormat itu mengenai keselamatan dalam perusahaan memang Kementerian Buruh mengambil berat tentang

perkara ini dan sedang membuat peraturan-peraturan yang lebih ketat mengenai keselamatan dalam perusahaan pembinaan. Pegawai-pegawaidi Jabatan Kilang dan Jentera sentiasa membuat lawatan-lawatan dan baru-baru ini lawatan-lawatan telah diperbanyakkan lagi dan kita dapat satu keadaan di mana mendatangkan hasil yang baik daripada lawatan itu. Tetapi masalah dalam bidang pembinaan seperti dalam perusahaan yang lain bukanlah kerana tidak cukup lawatan daripada Pegawai Kementerian saya, atau perhatian daripada Kementerian saya tetapi sikap pekerja-pekerja dan majikan yang tidak mengambil berat tentang keadaan yang lebih selamat dalam pekerjaan di kilang-kilang. Tetapi sikap pekerja-pekerja dan majikan yang tidak mengambil berat tentang keadaan yang lebih selamat dalam pekerjaan di kilang-kilang dan selalunya kita jumpa keadaan di mana selepas sahaja Pegawai Kementerian saya melawat di satu kilang dan menasihatkan supaya menggunakan satu-satu bahan untuk menyelamatkan pekerja-pekerja itu, alat-alat itu telah dibuang atau nasihat-nasihat yang diberi tidak diikuti oleh pekerja-pekerja itu atau majikan-majikan itu dan kita harap dengan adanya lebih lagi jawatankuasa-jawatankuasa dalam perusahaan-perusahaan ini kita akan dapat menunjukkan lebih kesedaran daripada pihak-pihak majikan dan pekerja tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan-cadangan yang diberi dan boleh memberi jaminan bahawa segala-segalanya akan diambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah juga menyentuh tentang perkara konsep labour dan memberi satu kes mengenai eksekutif di sebuah bank yang dinamakan oleh beliau. Sepanjang yang saya sedar Kementerian saya belum lagi menerima satu rayuan daripada pegawai yang berkenaan dan saya dapat memberi jaminan bahawa jika ada rayuan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya harus juga mengatakan di sini bahawa Undang-undang Buruh termasuk Industrial Relations Act ada peruntukan

untuk Kementerian mengambil tindakan di atas perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai tanah untuk pekerja-pekerja estet dan lombong, saya mengucapkan terima kasih kepada beliau di atas minat yang ditunjukkan tetapi mengenai lombong saya harus mengatakan di sini bahawa tanah yang dikerjakan oleh sebuah lombong adalah tanah Kerajaan Negeri dan dapat digunakan oleh lombong itu sepanjang mereka mengerjakan galian itu sahaja. Apabila kerja galian itu telah selesai tanah itu kembali kepada Kerajaan Negeri dan kita tidaklah dapat memaksa majikan di lombong itu memberikan tanah itu kepada pekerja-pekerja mereka. Tetapi di negeri-negeri, kita sedang menjalankan perbincangan untuk memberi kepada pekerja-pekerja di lombong-lombong itu sebahagian tanah untuk mendirikan rumah-rumah mereka dan baru-baru ini di Selangor kita telah dapat mengikat satu perjanjian mengenai dua lombong yang besar dalam kawasan Selangor untuk memberi tanah kepada pekerja-pekerja bagi maksud perumahan.

Mengenai apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tentang pengiktirafan kesatuan sekerja, saya pun tidak faham apa yang dicadangkan oleh beliau. Soal ini telah berkali-kali dijawab dalam Dewan ini dan apa yang dicadangkan oleh beliau adalah pengiktirafan automatik dan apa yang ada sekarang saya boleh katakan adalah pengiktirafan automatik. Selepas Menteri membuat satu arahan, majikan itu mesti memberi pengiktirafan. Tidak ada tindakan yang lain yang harus diambil. Saya harus juga mengatakan di sini bahawa cara ini telah diadakan baharu-baharu ini oleh kerana cara merujuk perkara ini kepada Mahkamah Perusahaan akan memakan masa yang lama dan tidak memuaskan. Saya dapat katakan juga dalam tahun yang lalu dalam 155 tuntutan untuk pengiktirafan yang dibuat oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja 96 kes telah dapat diselesaikan oleh majikan dengan tidak

campurtangan oleh Kementerian dan dalam 15 kes sahaja Menteri terpaksa memberi arahan dan 1 kes sahaja di antaranya keputusan Menteri dicabar di Mahkamah Tinggi.

Mengenai apa yang dikatakan oleh beliau tentang arahan Menteri atau keputusan mahkamah di Mahkamah Tinggi di bawah kuasa-kuasa supervision Mahkamah Tinggi itu, sayapun faham dan sayapun bersetuju bahawa cabaran ini telah di satu-satu kes melambatkan satu keputusan yang muktamad. Tetapi dengan adanya rule of law dan peruntukan untuk peranan supervision oleh Mahkamah Tinggi susah untuk menghadkan kuasa itu. Tetapi pada masa ini Kementerian saya sedang mengkaji peruntukan ini dan peruntukan-peruntukan lain dalam Industrial Relations Ordinance untuk mencari jalan untuk membawa satu keputusan yang lebih adil dan lebih cepat.

Mengenai perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan oleh beliau, saya ingin menyatakan satu sahaja iaitu di satu tempat beliau telah mengatakan bahawa Menteri tidak harus diberi budi-bicara untuk memutuskan perkara-perkara penamat pekerjaan seorang individu yang bukan menjadi ahli kesatuan, tetapi di lain tempat beliau juga mengatakan bahawa Mahkamah Perusahaan memakan masa yang lama untuk memberi keputusan. Mahkamah Perusahaan memakan masa yang lama oleh sebab banyak kes yang dirujuk kepada mahkamah dan juga Menteri tidak diberi budi-bicara untuk menentukan kes-kes yang frivolous dan tidak mempunyai merit sudah tentu Mahkamah Perusahaan akan dibebankan dengan lebih banyak lagi kes dan keputusan satu-satu kes akan memakan masa yang lebih lama lagi. Diharap keterangan ini dapat difaham oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai Ahli Yang Berhormat dari Matang dengan menyebutkan perkara pertikaian di Syarikat Perak United Sdn. Bhd., Kamunting, Kementerian saya sedar tentang pertikaian ini dan seperti yang dikatakan oleh

beliau Pegawai-pegawai Kementerian saya akan mengadakan satu mesyuarat bersama di situ untuk mencari satu penyelesaian damai dan kita harap penyelesaian akan dapat dicapai secepat mungkin. Beliau juga telah menyentuh mengenai pengiktirafan kesatuan pekerja-pekerja di Echo Industry. Saya sukacita memberitahu kepada beliau bahawa baharu-baharu ini Menteri telah mengeluarkan arahan kepada majikan untuk memberi pengiktirafan kepada kesatuan itu. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kangar, saya mengambil perhatian dan setengah point yang dibangkitkan oleh beliau telahpun dijawab oleh saya sendiri di Dewan ini mengenai pekerjaan dan pilihan pekerja-pekerja yang baru mendaftar dan lain-lain saya telahpun memberi jawapan di Dewan ini sebelum session ini. Mengenai point-point yang lain yang dibangkitkan oleh beliau, saya mengambil perhatian.

Akhirnya, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi mengenai gaji minima, saya memang bersetuju bahawa di setengah industri ada gaji yang rendah tetapi daripada fikiran Kementerian di tempat-tempat seperti ini selepas beberapa bulan sahaja mereka memulakan satu perusahaan, Kementerian saya atau kesatuan-kesatuan telah berjaya untuk menjalankan perundingan untuk meninggalkan gaji lagi dan membawa peruntukan untuk gaji minima bagi peringkat kebangsaan bukanlah satu soal yang senang dibuat atau senang ditadbirkan dan Kementerian saya telahpun memeriksa perkara ini dan pada masa ini kita tidak dapat mencari jalan untuk menentukan satu gaji minima kepada semua industri.

Walau bagaimanapun, jika dapat diberikan maklumat mengenai industri-industri yang tertentu, Kementerian saya sedia mengambil tindakan atau mencari jalan yang lebih sesuai. Beliau juga telah mencadangkan adakan satu Biro Pengaduan Buruh di Kementerian saya. Saya dapat memberi jaminan tanpa reservation di bawah Kementerian saya pada keseluruhannya adalah seperti satu Biro Penga-

duan termasuk Menteri saya sendiri dan semua pegawai mereka mengambil tindakan di atas segala aduan yang diberi atau rayuan yang diberi kepada mereka, dan dalam ucapan saya, saya telah menyebutkan angka-angka yang menunjukkan bahawa beberapa aduan itu telah dapat diselesaikan. Setakat itu sahaja dan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus itu, saya mengambil perhatian bahawa itu mengambil masa yang lebih lama sedikit tentang pertikaian Trengganu Bas, tetapi Kementerian saya tidak dapat mengarahkan sesuatu keputusan seperti yang dikatakan oleh beliau arahan Mahkamah Perusahaan pun diabaikan oleh majikan itu. Jadi, kita kena mengambil masa yang lebih sedikit untuk menyelesaikan perkara-perkara itu. Kita harap pada masa-masa akan datang kita dapat kerjasama yang lebih dalam perkara ini untuk mencari jalan yang lebih sesuai untuk mengurangkan kesusahan kepada orang ramai oleh kerana pertikaian-pertikaian ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$24,248,500 untuk Kepala B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$5,570,040 untuk Kepala P. 52 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

*Kepala B. 53 dan B. 54 (Jadual) —*

*Kepala P. 53 dan P. 54 (Anggaran Pembangunan, 1978) —*

6.53 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Pengerusi, saya kemukakan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Jabatan-jabatan serta Ajensi yang termasuk di bawah tanggungjawab saya iaitu Kepala B. 53, Kepala P. 53, Kepala B. 54 dan Kepala P. 54.

Anggaran di bawah Kepala P. 53 berjumlah \$14,102,000 ialah untuk perbelanjaan mengurus dan jumlah ini akan dibahagikan kepada Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail atau PUSPATI sebanyak \$1,048,909; Bahagian Alam Sekitar sebanyak \$1,938,540; Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara sebanyak \$4,057,120; dan Instituti Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM sebanyak \$5,700,039. Bakinya sebanyak \$1,357,392 ialah bagi Bahagian Pentadbiran Am Kementerian.

Sementara itu Anggaran Pembangunan Kementerian saya di bawah Kepala P. 53 ialah sebanyak \$27,042,296 akan dibahagikan seperti berikut:—

- (a) \$4,411,566 ialah untuk PUSPATI. Daripada jumlah ini \$1,377,000 ialah bagi pembinaan bangunan-bangunan; \$1,110,000 ialah bagi reaktor dan kelengkapan-kelengkapan reaktor; \$830,000 bagi perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan; \$1,050,000 bagi alat-alat kelengkapan dan perabut untuk makmal-makmal; \$10,000 bagi perkhidmatan kejuruteraan dan bakinya sebanyak \$34,566 ialah bagi lawatan saintifik dan latihan.
- (b) \$20,210,000 ialah untuk kawalan Alam Sekitar. Sebanyak ini adalah dikehendaki untuk memperolehi bot-bot; alat-alat perhubungan dan alat-alat lain untuk melaksanakan Rancangan Kontinjensi Kebangsaan bagi Menegah dan Mengawal Pencemaran Minyak di Selat Melaka.
- (c) \$781,600 ialah untuk kemajuan Taman Negara. Daripada jumlah ini \$360,000 ialah bagi tambahan kemudahan kakitangan dan pelancungan termasuk bekalan tenaga dan air; \$28,900 bagi pembinaan sebuah sekolah latihan; \$362,700 bagi pembiakan hidupan liar dan bakinya sebanyak \$30,000 ialah bagi digunakan untuk bidang penyelidikan.

- (d) \$589,120 ialah untuk Zoo Negara. Daripada jumlah ini sebanyak \$20,000 ialah untuk pembinaan rumah-rumah kakitangan; \$152,500 ialah untuk pembinaan kawasan binatang-binatang dan burung-burung; \$48,500 untuk pembinaan pusat latihan; \$30,000 untuk pembukaan tanah dan pembinaan jalan-jalan; \$38,120 untuk 'ZOO TRAIN'; dan bakinya sebanyak \$300,000 untuk perlindungan dan penyelidikan.
- (e) \$1,050,010 ialah untuk Instituti Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia. Daripada jumlah ini \$800,000 ialah bagi menemui keperluan alat-alat kelengkapan penyelidikan dan ujian dan bakinya \$250,000 ialah bagi pembinaan bangunan tambahan pejabat dan bengkel-bengkel kejuruteraan serta mendirikan sebuah bilik gelombang radio.

Jabatan Kimia sebaliknya mempunyai peruntukan yang berasingan, di bawah Kepala B. 54 berjumlah \$4,674,000 untuk Perbelanjaan Mengurus dan di bawah Kepala P. 54 sebanyak \$365,880 untuk Perbelanjaan Pembangunan. Daripada jumlah \$365,880 untuk pembangunan di bawah P. 54 \$77,000 ialah bagi alat-alat makmal tambahan di Pulau Pinang; \$270,000 bagi pembinaan makmal tambahan di Petaling Jaya, \$18,880 bagi pembayaran akhir untuk membeli alat-alat dan kelengkapan bagi makmal di Kota Kinabalu.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Khamis, 15hb Disember, 1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*